



قائمتا بروني Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 32 BILANGAN 40

رابو 6 صفر 1408

RABU 7 OKTOBER, 1987.

PERCUMA

Kebawah DYMM berkenan menerima mengadap Menteri Buruh Jepun


BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menerima mengadap Menteri Buruh Jepun Tuan Takushi Hirai di Istana Nurul Iman pada hari Sabtu 3 Oktober lepas.

Menteri Buruh Jepun di istiadat itu diiringi oleh tiga orang pegawai kanannya dan Kuasa Usaha Jepun di negara ini Tuan Katsumi Nakhada.

Hadir di istiadat mengadap itu ialah Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Shahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz, Grand Chamberlain dan Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral Pengiran Haji Ibnu, Timbalan Menteri Pertahanan.

Tuan Yang Terutama Tuan Takushi Hirai beserta rombongan tiba di negara ini pada 2 Oktober lepas bagi lawatan rasmi selama tiga hari.

Lihat muka 3



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan menerima mengadap Tuan Yang Terutama Tuan Takushi Hirai, Menteri Buruh Jepun di Istana Nurul Iman. — Gambar oleh Pg. Bahar PHO.

AMALKAN BAHASA MELAYU DALAM SEMUA URUSAN

MANISNYA IMAN

"TIADA seorangpun yang melahiri keabaran Allah Taala dalam mendengar perkataan yang menyakikan. Sesungguhnya Allah dibacakan sekutunya dan dikatakan Dia memampai anak tetapi Allah tetap menyelamatkan dan memberi rahmat kepada mereka. — Haila Nabi rasul Muslim dari Abu Musa radhiallahuan.

BERAKAS. — Dato Paduka Awang Haji Mohd. Ali, Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, menyeru orang-orang persendirian sama ada bermastautin dan tinggal di negara ini mempelajari dan meng-

amalkan penggunaan Bahasa Melayu baik dalam urusan rasmi dan tidak rasmi.

"Di dalam kesempatan ini saya ingin berseru kepada orang-orang persendirian yang bermastautin dan tinggal di negara ini supaya akan dapat mempelajari dan mengamalkan penggunaan bahasa Melayu dalam urusan rasmi dan tidak rasmi mereka bagi sama-sama menyemarakkan lagi fungsi dan peranan bahasa Melayu dalam kehidupan seharian di negara ini," kata Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Ali.

Seruan Timbalan Menteri itu telah dibacakan oleh Pengiran Haji Alauddin, Pegawai Pentadbir Kanan yang menjalankan tugas-tugas

Oleh Haniza Abdullah dan Bolhassan HAB

Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan juga selaku wakil peribadi kepada Timbalan Menteri itu di majlis pembukaan rasmi Seminar Bahasa Melayu pada 29 September lalu.

Bahasa Melayu ialah bahasa rasmi negara, sebagaimana yang telah termaktub di dalam perlembagaan negara pada 1959. Dan kini ianya telah jelas memperlihatkan kematangan dan kewibawaannya sebagai bahasa komunikasi dan keilmuan.

Ke arah itu untuk mening-

gikan lagi tarafnya, jelas Tim-

balan Menteri itu lagi, adalah menjadi tanggungjawab bersama baik agensi-agensi kerajaan atau badan-badan swasta di negara ini.

Tema seminar ialah Bahasa Melayu Dalam Pembangunan Negara, merupakan salah satu daripada puluhan acara sempena sambutan Jubli Perak Dewan Bahasa dan Pustaka di mana perasmian pelancarannya telah dilangsungkan pada 15 Januari, 1987 lalu.

Seminar Bahasa yang bermula pada 29 September itu, kata Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Awang Haji Ahmad bin Kadi, adalah

sempena tarikh ulang tahun perlembagaan bertulis Negara Brunei Darussalam yang telah membawa kepada kedudukan Bahasa Melayu menjadi bahasa rasmi negara.

Bertolak dari itu, katanya, Dewan Bahasa dan Pustaka sesuai dengan fungsi penubuhannya telah berusaha lebih giat lagi ke arah meninggikan lagi taraf dan keupayaan Bahasa Melayu agar ianya setaraf dengan lain-lain bahasa utama di dunia ini baik di bidang pelajaran dan ilmu pengetahuan.

Di samping itu beliau juga menggesa para pencipta bahasa khususnya sasterawan, karyawan dan budayawan menyatupadukan tenaga dan

Lihat muka 8

PETIKAN TITAH

SYARAT bagi mendapatkan kerakyatan ialah dari 25 tahun, dikira 20 tahun tetap berada di Brunei, lebih-lebih lagi permohonan-permohonan mereka, orang-orang yang bukan rakyat itu akan dipertimbangkan oleh Kerajaan Beta menurut peraturan undang-undang yang sedang berjalan pada masa ini.

Dititahkan pada 1 September, 1983 di Majlis Kesyukuran oleh Dewan Perniagaan Tionghwa di Dewan Persantapan Lapau.



7 OKTOBER 1987

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang

MENJAGA KESELAMATAN DI JALAN RAYA TANGGUNGJAWAB BERSAMA

MASALAH keselamatan jalan raya merupakan perkara yang sudah lumrah diperkatakan. Akan tetapi jalan raya kita masih meragut banyak jiwa. Kejadian-kejadian kemalangan jalan raya menunjukkan seolah-olah kita sudah tidak lagi mengambil berat terhadap perkara ini dan dikhuatiri mungkin akan menjadi satu gejala yang menakutkan.

Kealpaan kita dalam sama-sama mengambil berat terhadap perkara ini terbukti dengan berlaku banyak kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh pemandu-pemandu dan pengguna-pengguna jalan raya lainnya. Kita hanya perlu berdiri di simpang empat dan melihat sendiri betapa banyaknya kereta yang akan memecut ketika lampu lalu lintas bertukar ke warna kuning. Atau kenderaan-kenderaan yang membelok ke simpang-simpang tertentu pada waktu-waktu yang ditegah membelok. Atau pemandu yang memandu bagai diburu maut dan memotong pada tempat-tempat yang bukan sahaja membahayakan dirinya tetapi juga pemandu-pemandu atau pengguna-pengguna jalan raya lainnya.

Di manakah letaknya kelalaian atau kecuaiannya ini. Lazimnya hal ini bermula dari kecuaiannya peribadi sama ada tidak menginsafi pentingnya mematuhi undang-undang lalu lintas atau tidak bertolak ansur antara sesama pengguna jalan raya. Ia juga mungkin berpunca dari rumah. Ada ibu bapa yang membiarkan anak-anak mereka memandu tanpa mempunyai lesen memandu. Ada juga ibu bapa yang membelikan kereta untuk anak-anak mereka meskipun disedari bahawa ada di antara anak-anak itu yang belum berlesen.

Pada ketika ini kerajaan telah pun memulakan skim melesen kelas-kelas memandu. Ini adalah semata-mata untuk memastikan bahawa pengetahuan memandu yang diperolehi itu nanti akan dapat menjadikan pemandu itu bertanggungjawab dan bertanggung rasa. Meningkatkan taraf memandu di negara kita adalah salah satu usaha yang penting dalam menjadikan jalan raya kita sebagai tempat yang selamat bagi semua. Dengan adanya langkah ini nanti semua pemandu akan dapat menyedari bahawa memecut kereta ketika lampu kuning atau memandu melebihi had laju yang ditetapkan itu adalah merbahaya. Dengan adanya kelas-kelas memandu, bakal-bakal pemandu akan dapat memperoleh pengetahuan tentang pengalaman terhadap keselamatan penderaan itu sebelum memulakan perjalanan atau mengetahui apa langkah yang patut diambil jika kenderaan mengalami kerosakan di jalan raya.

Selaras dengan itu kerajaan juga mengambil langkah untuk mewajibkan penggunaan tali pinggang keledar. Sejak langkah ini diumumkan, kita sudah seharusnya mengambil langkah supaya mengamalkan atau membiasakan penggunaan tali pinggang keledar kerana sebelum peraturan ini sememangnya bertujuan untuk menjaga keselamatan diri kita sendiri.

Menjaga keselamatan di jalan raya adalah menjadi tanggungjawab kita semua. Jika kita semua berhati-hati dan berwaspada mungkin jumlah korban yang ada setiap tahun akan dapat dikurangkan dan mungkin pula pada suatu hari nanti keselamatan jalan raya tidak akan menjadi masalah lagi.

Bismillahir Rahmanir
Rahim
Assalamualaikum
Warahmatullahi
Wabarakatuh.

SEGALA puji-pujian bagi Allah Subhanahu Wataala, Seru Sekalian Alam, selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam serta kerabat dan para sahabat Baginda yang taat setia lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan izin-Nya jua beta dapat hadir di majlis Perasmian Seminar 'Grooming' yang diumumkan oleh BISTARI. Beta juga ingin mengucapkan berbilang terima kasih kepada BISTARI kerana menjemput beta hadir ke majlis pada hari ini.

Sebagaimana yang telah dimaklumkan ini adalah merupakan sebagai kali keduanya BISTARI mengadakan seminar seperti ini. Ini menunjukkan akan kesungguhan usaha BISTARI untuk meningkatkan imej keperibadian dan keyakinan kepada diri sendiri di kalangan kaum wanita di negara ini.

Dalam mana seminar yang diadakan bukan saja dibukakan kepada ahli-ahli BISTARI tetapi juga kepada kaum wanita di negara ini.

Kejelitaan kaum wanita bukanlah semata-mata terletak kepada wajah yang cantik tetapi juga meliputi semua aspek, iaitu baik dari segi budi bahasa mahupun tingkah laku. Di samping itu adalah juga amat penting bagi kaum wanita untuk pandai memadankan dan menyesuaikan diri dengan

TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha ketika merasmikan Seminar 'Grooming' anjuran Badan Kebajikan Isteri-Isteri Pegawai Kerajaan (BISTARI) yang berlangsung di Dewan Kuliah Stadium Negara Hassanal Bolkiah pada 16 September, 1987.



KEJELITAAN WANITA BUKAN TERLETAK SEMATA-MATA PADA KECANTIKAN

keadaan dan suasana di mana mereka berada iaitu sama ada dari segi pakaian yang dipakai atau alat solek yang digunakan.

Keadaan negara kita yang telah berubah, dalam mana kita adalah terdedah kepada masyarakat antarabangsa, menghendaki kaum wanita sentiasa yakin pada diri sendiri dan menunjukkan keperibadian bangsa. Dalam hal ini di samping kita menunjukkan kehalusan budi

bahasa orang-orang Brunei, kaum wanita juga perlu memahami semua aspek etika di dalam sesuatu majlis. Memandangkan kepada keperluan ini maka adalah sudah kena pada tempatnya bagi seminar 'grooming' atau 'gaya diri' ini diperkenalkan kepada kaum wanita di Negara Brunei Darussalam.

Adalah beta harapkan setiap pengetahuan yang

didapati di seminar ini akan dapat diperkembangkan oleh kaum wanita di negara ini khususnya BISTARI dengan cara mengadunkan dengan adat resam kita, yang mana tidak juga kurang dengan kehalusan budi bahasa dan lemah-lembut tingkah laku.

Dengan mendahulukan kalimah Bismillahir Rahmanir Rahim maka dengan sukacita beta rasmikan Seminar 'Grooming' pada hari ini.

Saranan kepada belia berkelulusan tinggi Pimpin masyarakat secara sukarela

TERLEBIH dahulu saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Dipertua dan ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Persatuan Melayu Keriam Tutong (PESAKA) kerana penghormatan dan kesudian yang dihulurkan kepada saya untuk sama-sama hadir dan seterusnya untuk merasmikan sambutan Jubli Perak Persatuan PESAKA pada pagi ini. Serentak dengan itu saya juga ingin merekodkan ucapan tahniah kepada persatuan ini sempena dengan sambutan Jubli Perak yang diraikan ini.

Saya percaya usaha gigih Persatuan Melayu Keriam yang telah dapat melaksanakan dengan jayanya sambutan Jubli Perak pada tahun ini adalah merupakan satu kejayaan yang cemerlang yang harus dibanggakan oleh semua ahli Persatuan khususnya, dan penduduk Kampung Keriam umumnya. Kebanggaan ini perlu dirasakan dan diserap, serta dihayati oleh seluruh ahli persatuan dan penduduk Kampung Keriam kerana sambutan serupa ini secara langsung boleh memberikan implikasi pada mengharumkan nama baik Kampung Keriam khususnya, dan Daerah Tutong umumnya. Usaha yang murni dan berkeabajikan ini adalah juga melambatkan unsur-unsur nilai

perpaduan yang kukuh di kalangan pemimpin-pemimpin persatuan, ahli-ahli dan penduduk kampung. Saya percaya usaha untuk menjayakan sambutan Jubli Perak persatuan ini adalah melalui nilai-nilai perpaduan yang sejati yang menjadi urat nadi penggerak ke arah kemajuan dan kejayaan sebuah persatuan dan ini jelas terbukti dengan adanya sambutan Jubli Perak yang Awang-awang dan Dayang-dayang adakan pagi ini.

Saya difahamkan, Persatuan PESAKA adalah diantara beberapa buah persatuan yang tertua yang pernah didaftarkan. Dalam masa usianya 25 tahun ini, kita telah banyak mendengar dan menyaksikan pelbagai kemajuan dan kejayaan yang telah ditempuh oleh persatuan ini di berbagai bidang.

Mungkin ada di antara kita yang berpendapat usia 25 tahun itu telah memungkinkan semuanya itu boleh berlaku, ini boleh jadi adalah salah satu faktornya; tetapi pada hemat saya, umur bukanlah faktor utama dalam menentukan "Kedewasaan"



UCAPAN Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Haji Awang Hussien, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan ketika merasmikan sambutan Jubli Perak Persatuan Melayu Keriam (PESAKA) bertempat di Sekolah Rendah Keriam pada 18 September, 1987.

sebuah persatuan. Saya berpendapat apa yang tidak kurang pentingnya ialah faktor-faktor seperti semangat perpaduan perasaan dedikasi dan ingin maju; disertai dengan sifat-sifat amanah dan jujur di kalangan anggota-anggota persatuan adalah

merupakan kunci utama dalam usaha-usaha mengemban majukan sesebuah persatuan. Bertolak dari pendapat ini, timbul persoalan: Adakah elemen-elemen yang saya sebutkan tadi tertanam

LAWATAN MENTERI BURUH JEPUN

Dari muka 1

Dalam rangka lawatan tersebut Tuan Yang Terutama beserta rombongan telah mengadakan kunjungan muhibah kepada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri bertempat di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri di Bangunan Sekretariat.

Menteri Buruh Jepun itu juga telah mengadakan kunjungan muhibah kepada Timbalan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Dato Seri Laila Jasa Haji Zakaria di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri di Jalan Subok.

Semasa berada di negara ini rombongan Menteri Buruh Jepun itu telah diberikan taklimat mengenai hal-ehwal serta pentadbiran Pejabat Buruh oleh Pesuruhjaya Buruh, Awang Haji Zainal Momin.

Lawatan rasmi Tuan Yang Terutama ke negara ini bertujuan untuk bertukar-tukar fikiran dan pengalaman serta maklumat dalam hal-hal perburuhan.

Di samping itu ianya juga akan membantu persefahaman dan kerjasama antara Jepun dengan Negara Brunei Darussalam di bawah rancangan 'Japan-ASEAN Tripartite Exchange'.



Oleh Dk. Saidah PHO.
Gambar oleh Pg. Bahar PHO dan Harun Rashid

TUAN Yang Terutama Tuan Takushi Hirai, Menteri Buruh Jepun dan rombongan ketika membuat kunjungan hormat kepada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (atas).

YANG Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa dan Tuan Yang Terutama Tuan Takushi Hirai bertukar-tukar cenderamata seperti kelihatan di gambar kiri.

MENTERI Buruh Jepun, ketika mengadakan kunjungan muhibah kepada Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Zakaria, Timbalan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri. (kanan).



Harga barang-barang keperluan

SEPERTI biasa di bawah ini dicatatkan beberapa jenis barang-barang keperluan sehari-hari yang boleh didapati dijual dengan harga yang sederhana rendah di kedai-kedai Bandar Seri Begawan, Tutong, Kuala Belait dan Seria. Adalah diingatkan kepada orang ramai bahawa harga barang-barang yang berikut di bawah bermula pada 30 Oktober, 1987.

BANDAR SERI BEGAWAN — 2085

- 1) Ubi Kentang 1 kilogram \$1.00/1 kati 60 sen.
 - a) Kedai Thye Seng Dept. Store B1 Jalan Robert.
 - b) Kedai Chop Ken Ken B2, Jalan Robert.
- 2) Lada Botol — Wah Hong (S'pore) se-botol 85 sen.
 - a) Kedai Kim Seng Choon No. 6, Jalan McArthur.
- 3) Aji-No-Moto (350g) sebungkus \$1.50.
 - a) Kedai Chop Suom Huat No. 28, Jalan Sultan.
 - b) Kedai Eng Leong No. 8 Jalan McArthur.
- 4) Garam Halus (Cap Buaya) 7 bungkus \$1.00.
 - a) Kedai Taste Top Trading Co. 144A Jalan Pemancha.

SERIA — 7087

- 1) Ubi Kentang 1 kilogram \$1.50/1 kati 90 sen.
 - a) Kedai Yick Fatt Lot 2660, Jalan Sultan Omarali.
- 2) Lada Botol — Wah Hong (S'pore) se-botol 75 sen.
 - a) Kedai Yick Fatt, Lot 2660, Jalan Sultan Omarali.
- 3) Aji-No-Moto (350g) sebungkus \$1.70.
 - a) Kedai Hudson Company No. 9, Jalan Sultan Omarali.
- 4) Garam Halus (Cap Buaya) 6 bungkus \$1.00.
 - a) Kedai Sim Fatt Hui No. 74, Jalan Bunga Kenanga.

KUALA BELAIT — 6083

- 1) Ubi Kentang 1 kilogram \$1.50/1 kati 90 sen.
 - a) Kedai Yick Guan No. 3, Jalan Pretty.
- 2) Lada Botol — Wah Hong (S'pore) se-botol 75 sen.
 - a) Kedai Teo Hing Hng No. 45, Jalan Pretty.
 - b) Kedai Chop Yee Seng No. 46, Jalan Pretty.
- 3) Aji-No-Moto (350g) sebungkus \$1.50.
 - a) Chop Yee Seng No. 46, Jalan Pretty.
- 4) Garam Halus (Cap Buaya) 6 bungkus \$1.00.
 - a) Kedai Koh Kee No. 60, Jalan Pretty.

TUTONG — 5082.

- 1) Ubi Kentang 1 kilogram \$1.50/1 kati 90 sen.
 - a) Kedai Soo Lee Mini Mart No. 1 Jalan Enche Awang.
- 2) Lada Botol — Wah Hong (S'pore) se-botol 80 sen.
 - a) Chop Wah Kee No. 6 Jalan Enche Awang.
 - b) Chop Tong Huat No. 17 Jalan Enche Awang.
- 3) Aji-No-Moto (350g) sebungkus \$1.70.
 - a) Soon Lee Mini Mart 1 Jalan Enche Awang.
 - b) Chop Wah Kee No. 6 Jalan Enche Awang.
- 4) Garam Halus (Cap Buaya) 6 bungkus \$1.00.
 - a) Chop Wah Kee No. 6 Jalan Enche Awang.

Dua lagi kapal peronda untuk Polis Diraja Brunei

MUARA. — Dua dari tujuh buah kapal yang ditempah oleh Cawangan Polis Laut telah tiba di negara ini dan upacara menepung tawar bagi kedua kapal itu dilakukan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Putera Negara Pengiran Omar, Pesuruhjaya Polis.

Kapal PDB 11 dan PDB 12 itu dilengkapi dengan 2 enjin disel dengan kelajuan 34 knot iaitu kira-kira 40 batu satu jam. Ianya berukuran setinggi 6.5 meter dengan beratnya sejumlah 17 tan manakala enjinnya mempunyai 538 kuasa kuda.

Menurut Ketua Cawangan

Polis Laut, DSP Haji Md. Zainal Abidin, kapal-kapal tersebut direkabentuk untuk menambahkan lagi mutu kecekapan Pasukan Polis Diraja Brunei dalam membentasi jenayah-jenayah yang dilakukan di perairan Brunei sesuai dengan peredaran masa.

Katanya kapal-kapal itu berkeupayaan membuat rondaan sejauh 350 batu tanpa mengisi minyak dalam perjalanan.

Dalam pada itu beliau memberitahu kapal-kapal tersebut mempunyai kemudahan untuk memasak, tempat simpanan air minum, di samping terdapat faktor-faktor keselamatan seperti perhubungan, alat menduga dan sebagainya.

Beliau seterusnya menerangkan hasil daripada ujian-ujian pelayaran yang dilakukan menunjukkan bahawa kapal-kapal tersebut mempunyai kebolehan membuat rondaan di pesisir pantai dan sungai.

Majlis menepung tawar kedua buah kapal itu diakhiri dengan acara belayar lalu, sementara doa selamat dibacakan oleh Ustaz Haji Ismail Haji Hassan, Imam Surau Polis Gadong.



YANG Amat Mulia Pengiran Putera Negara Pengiran Omar, Pesuruhjaya Polis, menepung tawar salah sebuah daripada Kapal Polis Laut PDB 11 di Muara. — Gambar oleh Pg. Bahar PHO.

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS.....Siri ke-401

SIAPA DIA AL-IMAM AL-MAHDI

KATA Al-Ghumari: Tuan lihat tiada sunyi dari kotor dan debu, adapun dakwaannya mengatakan hadis-hadis (turun Nabi Isa) itu Aahad bukan mutawatir. Adalah bertolak kerana ia bukan Ahli Sunnah dan bukan panglima dalam medan Ahi Sunnah. Adapun takwilnya itu adalah salah dan batil lihat ulasannya muka 76 sehingga 77 dari Al-'Aqidah itu cetakan tahun 1369 Hijrah dijual di Maktabatul Kaherah Medan Al-Azhar.

bahas bahawa segala apa yang datang dalam perkara Al-Mahdi dan Ad-Dajal itu suatu perkara dongeng yang datang dari bangsa Israil.

Lihat perkataan Ad-Doktor Muhammad Khalil Hiras yang mentashihkan kitab Al-Khasaa'is Al-Kubraa karangan Al-Imam As-Sayuti muka 430 juzuk 2 katanya: Semua hadis yang berkenaan dengan Al-Mahdi tiada suatu pun daripadanya sah dan Tashayyu' zahir dan nyata padanya.

Ini dia Ash-Shaikh Abdul Muta'aalus Sa'idi dalam kitabnya Al-Mujaddiduuna fil Islam katanya: Telah tersiar pada orang-orang Islam Fikratul Mahdi Al-Muntadzir setelah pemerintahan mereka jauh dari keadilan, mereka mempunyai hadis-hadis daripada Rasulullah Sal-

allahu Alaihi Wasallam dan Ibnu Khaldun telah menyatakan dengan lanjut dalam pendahuluannya dalam perkara Al-Mahdi dan dia telah mensabitkan hadis-hadis itu bahawa sanad-sanadnya dhaif. Tetapi hadis-hadis itu mahsyur di antara orang awam Islam. Dengan ringkas lihat katanya dalam Al-Mujaddidun fil Islam, cetakan yang kedua tahun 1382 Hijrah.

Muhammad Abdullah 'Annan penulis kitab-kitab tarikh seperti kitab Mawaqifu Haasimah fii tariikhil Islam, seorang peguam mahkamah sivil di Al-Kaherah, berkata dalam Mawaqifu Haasimah cetakan yang keempat tahun 1962 di Kaherah muka 359 sehingga 362: Adapun dongeng (usturah) Al-Mahdi itu bukan perbuatan Shi'ah,

sekalipun orang Shi'ah menggunakan sepanjang masa, perkara dongeng Al-Mahdi bermula dari zaman Nabi, di sana ada beberapa kumpulan hadis-hadis yang bermacam-macam jenis menunjukkan pada usturah dongeng Al-Mahdi, tetapi hadis-hadis itu banyak disyaki dan banyak dipertikaikan dan ada pula satu jumlah perkataan yang dikatakan datang daripada satu kumpulan pembesar-sahabat Katanya lagi: Seperti usturah Al-Mahdi Al-Muntadzir, ada usturah Al-Masih Al-Muntadzir, usturah Al-Masih itu asalnya dari Yahudi dan dalam Islam ia mempunyai tempat juga, bercampur dengan usturah Al-Mahdi, dikata orang: Al-Masih Al-Muntadzir akan datang selepas Al-Mahdi atau ia datang bersama-samanya

Siri kesebelas

dan ia berimam dengannya.

Ini Ash-Shaikh Muhammad Fahiim Abu Ubaiyyah pentashih Naskhah Al-Bidaayah wannihayah dalam bahagian Al-Fitanu wal malaahim berkata: Kita berjalan pengikut pihak yang mengatakan bahawa keluar Al-Mahdi dan turun Nabi Isa Alaihis Salam, kedua-duanya bayangan bagi kebaikan di atas kejahatan dan Ad-Dajal bayangan bagi melampau fitnah dan banyak sesat pada suatu masa. Kemudian ia hapus dengan datangnya kebenaran



YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Awang Haji Ismail bin Omar Abd. Aziz, Mufti Kerajaan.

daripada Allah. Adapun binatang yang disebutkan Al-Quran itu bukan ia sebagaimana yang telah disifatkan oleh riwayat-riwayat yang pelik dan hairan hanya ia satu jenis binatang yang melata di atas bumi yang membinasakan manusia dan harta benda mereka ketika manusia itu bermaharajalela dengan kekelakaan. Setengah dari binatang itu ialah hama-hama yang membawa kebinaasaan dan mengancam harta benda.

WALLAHUAKLAM
(Bersambung)

PERADUAN BAHAS SEMPENA JUBLI PERAK ASTERAWANI

BANDAR SERI BEGAWAN. — Bagi memperluaskan penggunaan Bahasa Melayu di kalangan masyarakat di negara ini, Persatuan Asterawani telah menganjurkan peraduan bahas sempena sambutan jubli perak yang ke-25 tahun persatuan itu.

Peraduan yang bermula pada 25 September lalu diadakan di Balai Pameran Dewan Bahasa dan Pustaka di sini dan dibuka rasmi oleh Pengarah Hal Ehwal Awam Syarikat Minyak Shell Brunei, Awang Zaini bin Haji Omar.

Peraduan bahas adalah terbuka kepada maktab-maktab, sekolah-sekolah menengah, persatuan-persatuan belia dan firma-firma persendirian.

Sebanyak 12 pasukan mengambil bahagian.

Pengerusi peraduan, Awang Abdul Hamid bin Haji Abbas menyatakan peraduan itu bertujuan untuk memperluaskan penggunaan Bahasa Melayu selaras dengan perlembagaan Negara Brunei Darussalam.

Menurut pengerusi itu lagi, penyertaan orang ramai tahun ini kurang memuaskan. Penyertaan dari badan-badan kebajikan dan syarikat-syarikat persendirian tidak ada langsung walaupun telah dibuat publisiti yang begitu meluas melalui media mengenai peraduan itu.

Peraduan bahas peringkat akhir akan diadakan bulan depan.



TETAMU Kehormat, Pengarah Hal Ehwal Awam Syarikat Minyak Shell Brunei Awang Zaini Haji Omar bersama jemputan yang lain di majlis perasmian peraduan bahas Persatuan Asterawani. — Gambar oleh Pg. Bahar PHD

Peraduan berzanji terbuka kepada persatuan Daerah Brunei dan Muara

PERSATUAN PERKASA akan menganjurkan peraduan berzanji sempena Hari Keputeraan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang terbuka kepada persatuan-persatuan di Daerah Brunei-Muara.

Borang-borang peraduan dan keterangan lanjut boleh diperolehi dari:

Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Safar, Timbalan Setiausaha Agung PERKASA, Kampong Saba; Ustaz Haji Metassim bin Haji

Metussin, Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanah Bolkiah, Batu 1½, Jalan Tutong; Awang Abu Bakar bin Kassim, Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan; Awang Yahya bin Haji Zainal, Lembaga Matawang, Kementerian Kewangan dan Awang Ali Osman bin Salleh, Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

Semua borang penyertaan yang telah lengkap diisi hendaklah dikembalikan kepada pihak penganjur tidak lewat pada 29 Oktober, 1987.

Waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-WAKTU sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara dan Tutong mulai dari hari Rabu 7 Oktober hingga ke hari Selasa 13 Oktober, 1987 adalah seperti di bawah ini: —

HARI BULAN	ZUHUR		ASAR		MAGHRIB		ISYAK		IMSAK	SUBUH		MATAHARI TERBIT
	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir		Mulai	Berakhir	
Oktober												
7	12.11	3.23	3.24	6.09	6.10	7.18	7.19	4.57	4.43	4.58	6.06	6.07
8	12.10	3.23	3.24	6.09	6.10	7.18	7.19	4.57	4.43	4.58	6.06	6.07
9	12.10	3.23	3.24	6.08	6.09	7.17	7.18	4.57	4.43	4.58	6.06	6.07
10	12.10	3.23	3.24	6.08	6.09	7.17	7.18	4.56	4.42	4.57	6.06	6.07
11	12.09	3.23	3.24	6.07	6.08	7.17	7.18	4.56	4.42	4.57	6.06	6.07
12	12.09	3.23	3.24	6.07	6.08	7.16	7.17	4.56	4.42	4.57	6.05	6.06
13	12.09	3.23	3.24	6.07	6.08	7.16	7.17	4.56	4.42	4.57	6.05	6.06

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit manakala bagi Daerah Temburong hendaklah dikurangkan satu minit tiap-tiap waktu.

Sembahyang fardu Jumaat di seluruh Negara Brunei Darussalam dimulai dari pukul 12.45 tengah hari.

MARILAH kita sentiasa berusaha untuk tidak melakukan suatu yang dilarang oleh Allah Subhanahu Wataala, sebaliknya sentiasa pula berusaha pada melakukan setiap apa yang diperintahkan Allah. Kerana yang demikian itu adalah sikap hidup orang-orang yang bertakwa kepada Allah Subhanahu Wataala.

Salah satu kewajipan di dalam khutbah yang mesti disampaikan ialah seruan dan ajakan kepada Allah. Tujuan supaya kita semua akan dapat meningkatkan martabat kita di sisi Allah, kerana berkeinginan kita belum sampai ke darjat takwa Allah yang sebenarnya. Soalnya kalau kita belum sampai ke martabat itu, maka di manakah kedudukan kita sekarang?

Mengikut pembahagian orang yang mendekati diri kepada Allah adalah dibahagikan kepada lima bahagian.

Pertama Muslim, kedua Mukmin, ketiga Muhsin, keempat Mukhlis dan kelima Muttakin.

Pada peringkat Muslim, di mana seseorang itu dikatakan sebagai seorang Islam. Di peringkat ini adalah merupakan peringkat yang paling rendah di kalangan orang-orang yang mendatangkan diri kepada Allah. Di peringkat itu seseorang Muslim itu mengerjakan ibadah hanyalah disebabkan adanya dorongan dari luar sahaja. Kalau tidak ada, maka dia tidak beribadat. Atau dia beribadat mengikut seleryanya dan mood, bila dia suka beribadat dia beribadat kalau tidak maka tidaklah dia beribadat. Orang yang seperti ini ada digambarkan Allah di dalam Al-Quran sebagaimana firman-Nya surah Al-Haj ayat 11 yang kira-kira tafsirnya:—

"Dan ada di antara manusia yang menyembahkan Allah dengan sikap dan pendirian yang tidak tetap, iaitu kalau ia beroleh kebaikan senenglah hatinya dalam keadaan itu, dan kalau pula ia ditimpa fitnah kesesahan berbaliklah ia semula (kepada kekufuran). (Dengan sikap itu) rugilah dia akan dunia dan akhirat, itulah kerugian yang terang nyata."

Peringkat kedua iaitu sebagai Mukmin, di mana di peringkat ini seorang itu melakukan ibadah kerana adanya dorongan dari dalam iaitu iman. Sesungguhnya demikian seseorang Mukmin masih mempunyai kelemahan terutama apabila ianya mengikut keadaan iman yang sifatnya berpasang surut atau yang boleh bertambah dan berkurang. Melainkan orang Mukmin seperti yang dikatakan Allah di dalam Al-Quran di dalam surah Al-Mukminin ayat 1 hingga 9 yang kira-kira tafsirnya:—

"Sesungguhnya berjalalah orang yang beriman. Iaitu mereka yang khusyuk dalam sembahyangnya. Dan mereka yang menjauhkan diri dari perbuatan dan perkataan yang sia-sia dan mereka berusaha membersihkan hartanya (dengan menunaikan zakat harta) dan mereka menjaga kehormatannya kecuali kepada isterinya atau hambanya. Maka sesungguhnya mereka itu tidak tercela. Kemudian siapa yang mengingini selain dari yang demikian. Maka merekalah orang-orang yang melampaui batas."

"DAN ada di antara manusia yang menyembah Allah dengan sikap dan pendirian yang tidak tetap, iaitu kalau ia beroleh kebaikan senenglah hatinya dalam keadaan itu, dan kalau pula ia ditimpa fitnah kesesahan berbaliklah ia semula (kepada kekufuran). (Dengan sikap itu) rugilah dia akan dunia dan akhirat, itulah kerugian yang terang nyata."



LIMA PERINGKAT DEKATKAN DIRI KEPADA ALLAH

Seorang Mukmin yang dapat memenuhi sifat-sifat yang tersebut di dalam ayat-ayat tadi maka dialah yang dikatakan seorang mukmin yang beroleh kejayaan terutama di akhirat nanti.

Manakala peringkat ketiga iaitu peringkat Muhsin. Iaitu seseorang itu apabila sampai kepada peringkat ini maka dia bukan sahaja dapat mengerjakan ibadah dan menyediakan diri kepada Allah dengan baik dan sempurna. Bahkan dengan adanya perasaan dan sifat ihsan di dalam dirinya maka ianya adalah tetap sentiasa melakukan amal ibadah kepada Allah dan amal kebajikan terhadap sesama makhluk Allah sama ada sesama manusia mahupun makhluk lain sehingga mewujudkan pada dirinya hubungan baik dua hala. Iaitu hubungan baik dengan Allah dan hubungan baik dengan makhluk-makhluk Allah yang lain. Dan pendorong ianya berbuat demikian adalah disebabkan rasa takutnya kepada Allah yang bersifat melihat dan mengetahui segala amal perbuatan hamba-hamba-Nya. Itulah yang digambarkan oleh Rasulullah di dalam hadis Baginda yang diriwayatkan oleh Muslim yang bermaksud kira-kira: "Ihsan ialah supaya engkau mengabdikan diri kepada Allah seolah-olah engkau melihat malaikat jika engkau tidak melihatnya maka sesungguhnya Dia (Allah) melihat engkau."

Pada peringkat keempat iaitu Mukhlis di mana walaupun pada peringkat

Muhsin seseorang itu telah dapat bermuamalah dengan Allah dan bermuamalah sesama makhluk Allah dengan baik dan sempurna, akan tetapi kadang-kadang muamalah itu kurang atau tidak disertai keikhlasan terutama di dalam pengurbanan yang didirikan, dengan erti lain ingin mendapatkan sesuatu dari selain Allah. Maka pada peringkat Mukhlis seseorang itu beramal hanyalah semata-mata kerana Allah, lain tidak kalau amal perbuatan itu boleh kita umpamakan sebagai masjid. Maka rohnya adalah ikhlas, kerana itu jasad tanpa roh pasti mati. Begitulah amal tanpa ikhlas ianya akan hancur dan sia-sia. Kerana itu para ulama 'salaf' ada berkata yang kira-kira bermaksud: "Berkemungkinan amal yang kecil tetapi menjadi besar lantaran niatnya baik, sebaliknya berkemungkinan amal yang besar menjadi kecil lantaran niatnya tidak ikhlas."

Oleh kerana itu ikhlas pada amal perbuatan adalah merupakan syarat mutlak untuk diterima suatu amal itu.

Adapun peringkat kelima iaitu peringkat orang Muttakin iaitu peringkat yang paling tinggi di sisi Allah, apabila disebut kalimah takwa ianya merupakan suatu yang mudah disebut akan tetapi pengamalannya atau peringkatnya adalah sukar. Sebab takwa itu mempunyai pengertian yang luas dan mendalam. Di mana takwa itu adalah merupakan ketaatatan yang sebenar-benarnya terhadap Allah tanpa adanya pengawasan dari siapa pun selain Allah.

Salah satu tanda orang yang mempunyai sifat takwa itu ialah di dalam ianya melakukan kebaikan dan menjauhi larangan Tuhan-Nya. Maka ianya dilakukan tanpa melihat dan mengira-nyanya keadaan dan tempat sama ada sewaktu bersendirian atau di dalam kumpulan ramai. Dalam keadaan senang mahupun susah. Maka ketaatatan dan ketekunannya kepada Allah adalah tanpa bersemarak di dalam dirinya. Di mana ianya dapat menjadikan hatinya sebagai pengawas. Pengontrol terhadap gerak-gerinya, tindak-tanduknya seterusnya dapat menyelamatkan dirinya dari neraka dunia mahupun neraka di akhirat. Bagi orang yang mempunyai darjat Muttakin, Allah adalah walinya (yang bertanggungjawab atas keselamatan kejayaan dan kebahagiaan hidupnya) dan orang yang sedemikian itulah yang mendapat kemuliaan yang lebih di sisi Allah sebagaimana firman-Nya di dalam surah Al-Hujurat ayat 13 yang kira-kira tafsirnya:

"Sesungguhnya yang paling mulia di antara kamu di sisi Allah ialah yang paling bertakwa di kalangan kamu. Sesungguhnya Allah maha mengetahui dan maha pengerti."

Oleh itu marilah kita sama-sama berusaha untuk mencapai ketinggian yang paling mendapat kemuliaan daripada Allah itu iaitu untuk menjadi golongan Muttakin. Mudah-mudahan dengan itu Allah akan mendatangkan keberkatan dari langit dan bumi terhadap kehidupan kita.

Beri layanan yang sebaik-baiknya kepada ibu bapa

RASULULLAH Sallallahu Alaihi Wasallam pernah bersabda yang telah diriwayatkan oleh Al-Imam Al-Bukhari yang kira-kira bererti: "Barangsiapa yang membuat suka hati ibu bapanya, maka sesungguhnya ia menyukakan Allah, dan barangsiapa yang membuat ibu bapanya marah maka sesungguhnya ia bererti membuat Allah murka."

Berpandukan hadis yang disebutkan itu ternyata kalau kita menyukakan hati kedua ibu bapa kita, bererti kita menyukakan Allah Subhanahu Wataala. Begitu juga sebaliknya kalau kita membuat kedua ibu bapa kita marah, maka bererti kita membuat Allah Subhanahu Wataala murka.

Memelihara kedua ibu bapa apatah lagi di kala mereka sudah tua adalah merupakan suatu kewajipan yang tidak patut diabaikan. Tidak perlu ditanya kenapa, kerana bahawa kedua ibu bapa amat sayang kepada anak-anaknya. Mereka berani berkorban apa saja demi keselamatan dan kesejahteraan anak-anak, mereka bekerja bersusah payah siang dan malam membanting tulang, mencurahkan tenaga, fikiran dan lain-lain, semua itu adalah untuk kebahagiaan dan masa depan anaknya.

Usaha-usaha tersebut tidak akan kendur-kendur dibuat oleh mereka sehingga anak mereka itu dewasa dan mungkin sehingga berkeluarga dan sebagainya. Jadinya memandang jasa bakti kedua ibu bapa itu yang sedemikian besar dan tiada ternilai maka adalah tidak munasabah pada fikiran yang sihat jika air susu yang telah diberikan dibalas dengan tuba. Perkara seumpama ini pada kebiasaannya akan terjadi apabila kedua ibu bapa itu sudah tua iaitu di kala kemampuan mereka untuk mencari rezeki sudah tiada dan yang tinggal hanyalah untuk dibelas kasihani.

Mengapakah perkara seumpama ini boleh terjadi? Padahal tanpa kedua orang tua kita secara zahirnya pasti tidak akan wujud di dunia ini. Jadinya sewajarnya setiap anak-anak itu membalas jasa bakti orang tua mereka semata-mata untuk kesenangan hati keduanya.

Soalnya sekarang, macam manakah caranya kita hendak membalas jasa

Menuju keredaan Allah

bakti mereka itu? Suatu persoalan yang memerlukan huraian-huraian luas. Tetapi di antara banyak-banyak cara itu, kita sebagai anak-anak tidak kira anak lelaki atau anak perempuan mestilah bekerjasama memelihara ibu bapa kita itu dengan sebaik-baik layanan terutamanya mereka yang sudah tua dan memerlukan perhatian.

Jangan sekali-kali membiarkan mereka bersendirian dengan tidak diambil tahu tentang hal-hwal mereka. Walaupun kita terpaksa berjauhan dengan mereka tetapi biarlah hubungan kita itu tetap rapat dengan menambah rasa kasih sayang kita terhadap mereka. Jauhkan dari beranggapan yang kita itu sudah bebas dari tanggungan ibu bapa meskipun setelah kita bermahatanga umpamanya, kerana ini akan menjauhkan ingatan kepada mereka. Ekoran dari itu ibu bapa kita yang telah uzur itu selalunya akan mudah berkecil hati dan merajuk apabila kita jarang menjengok-jengoknya. Apa yang perlu ialah memberikan mereka kasih sayang yang sewajarnya.

Tidak ada sebab mengapa kita tidak boleh menjaga mereka itu, sedangkan pada kenyataannya merekalah yang telah memelihara kita dari sejak kecil hinggalah kita dewasa. Bahkan mereka memelihara kita dengan niat yang baik untuk menjadikan kita sebagai orang-orang yang berguna dan berbakti kepada masyarakat. Jadinya, sewajarnya kita membalas kembali jasa bakti mereka itu dengan jalan menyukakan hati mereka. Sesungguhnya inilah satu perkara yang sangat dituntut oleh Allah Subhanahu Wataala.

Sesungguhnya adalah amat perlu kita ingati bahawa salah satu dari dosa yang besar yang ditunjukkan balanya di dunia ini ialah menderhakai kedua ibu bapa. Ini sesuai sebagaimana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud: "Dua kejahatan yang akan dibalas oleh Allah di dunia ini ialah zina dan derhaka kepada ibu bapa." Oleh itu peliharalah kedua ibu bapa kita dengan ikhlas dan jujur. Ingatlah bahawa untuk mencapai taraf sebagai seorang anak yang salih, satu taraf dan darjat yang agung di sisi Allah Subhanahu Wataala ialah antara lain harus lulus dalam ujian sebagai anak yang taat kepada orang tuanya.

MEMPUNYAI tanah dan rumah sendiri merupakan impian semua orang. Tetapi tidak semua yang berhasil mencapainya, kadang-kadang punya tanah tetapi tidak punya wang untuk membina rumah; ada yang tetapi sukar untuk mendapatkan tanah. Demikianlah masalah tanah dan perumahan yang merupakan dilema utama penduduk di mana-mana jua negara di dunia.

Walau bagaimanapun kita di negara ini masih beruntung, terutamanya pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan yang disediakan dengan berbagai-bagai kemudahan termasuklah rumah kediaman skim pinjaman membina rumah dan penempatan di rancangan-rancangan perpindahan negara. Tetapi kemudahan ini juga belum dapat memenuhi semua permintaan yang sentiasa bertambah dari masa ke semasa.

Itu bagi pegawai dan kakitangan kerajaan. Apa pula halnya dengan mereka (rakyat) yang tidak berkhidmat dengan kerajaan? Sedangkan kehendak dan keperluan mereka juga sama.

Mereka juga tidak dilupakan, masalah mereka sentiasa mendapat perhatian pihak-pihak yang berkenaan. Bahkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Wad-aulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sendiri telah bertitah semasa merasmikan Persidangan Majlis Mesyuarat Negeri ke-21 pada 21 Disember, 1983, di mana baginda berhasrat menyediakan satu rancangan secara besar-besaran untuk membahagikan tanah kepada rakyat jati yang dikaitkan dengan satu Tabung Bantuan Pembinaan Rumah.

Skim tersebut juga akan disertai dengan satu skim kewangan bagi membantu rakyat membina rumah di atas tanah mereka sendiri.

"Insya-Allah skim pembahagian tanah ini akan diadakan di semua daerah di negara ini dan akan boleh dinikmati oleh rakyat jati beta yang belum mempunyai tanah untuk membuat rumah kediaman tanpa mengira sama ada mereka berkhidmat dengan kerajaan atau tidak," titah baginda.

Skim pengurniaan tanah kepada rakyat jati menurut baginda lagi adalah sebagai tambahan kepada rancangan-rancangan perpindahan yang sedang berjalan pada masa ini.

Dilancarkan

Skim tersebut telah dilancarkan pada bulan Mac tahun 1984. Permohonan bermula pada akhir bulan itu sehingga akhir bulan April tahun yang sama. Sehingga tarikh tersebut, Jabatan Tanah telah menerima sebanyak 10,696 permohonan iaitu dimasukkan di peringkat pertama. Selepas itu jabatan itu juga menerima beberapa permohonan yang dimasukkan ke dalam peringkat kedua skim tersebut.

Mengenai skim itu Jabatan Tanah pada masa ini sedang mengadakan temuduga secara berperingkat-peringkat untuk mendapatkan keterangan lanjut dari pemohon-pemohon dan menurut jabatan itu lagi proses ini dijangkakan memakan masa yang agak panjang memandangkan jumlah permohonan yang banyak diterima iaitu 11,664 permohonan.

Tapak-tapak yang disediakan bagi skim ini ialah (Kampung Lambak Kiri) peringkat pertama sebanyak 144 lot dengan keluasan 62 ekar dan peringkat keduanya 277 lot dengan keluasan 140 ekar. Di Jalan Tungku bagi peringkat pertama ialah 59 lot dengan keluasan 56 ekar dan peringkat keduanya 37 lot disediakan seluas 36 ekar dan ketiga pula 37 lot 156 ekar luasnya, bagi Kampung Mata-mata Gadong pula seluas 46 ekar dengan 140 lot. Kampung Rimba pula disediakan 37 lot dengan keluasan 66 ekar.

Di Daerah Tutong pula kawasan-kawasan yang terlibat ialah Kampung Telisai yang menyediakan 174 lot dengan keluasan 74 ekar. Di Daerah Belait pula ianya ditempatkan di Kampung Mumong seluas 53 ekar dan 203 lot disediakan, manakala di Lorong Tiga Selatan di Seria disediakan 246 lot seluas 83.5 ekar. Di Daerah Temburong ianya ditempatkan di kawasan Kampung Rataie dengan kawasan seluas 15 ekar untuk 30 lot.

Terpilih

Di peringkat awal, menurut jabatan itu sebanyak 56 orang pemohon telah terpilih dalam peringkat itu. Jabatan Tanah telahpun menghubungi mereka secara bertulis yang antara lain memaklumkan kepada mereka bahawa mereka dikehendaki menandatangani surat perjanjian dengan kerajaan dan seterusnya memilih pelan-pelan rumah yang bersesuaian dengan kemampuan mereka

Skim pengurniaan tanah kepada rakyat jati

Oleh Dk. Fatimah PHMN
Gambar ihsan Jabatan Tanah

melalui pinjaman wang kerajaan. Mengenai dengan proses kawasan-kawasan lain pula, Jabatan Tanah sejauh ini telah menemuduga lebih 200 pemohon dari Daerah Tutong, 300 Daerah Belait dan 35 pemohon dari daerah Temburong.

Bagaimanakah pemilihan dibuat dalam skim ini dan apakah kriteria untuk melayakkan diri pemohon itu?

Pemilihan dalam skim pengurniaan tanah kepada rakyat jati diproses menggunakan komputer berpandukan sistem pemarkahan yang digunakan oleh Lembaga Kemajuan Perumahan. Manakala jumlah pemohon yang dipilih pula berdasarkan banyak lot yang disediakan dalam satu-satu kawasan itu. Mengenai kriteria untuk melayakkan diri dalam skim ini, seseorang mestilah terdiri daripada rakyat jati Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, isteri (suami bagi pemohon wanita) dan tanggungannya tidak bertanah. Keutamaan juga diberikan kepada pemohon yang sudah berkeluarga.

Keluasan

Setiap pemohon yang terpilih akan diberikan keluasan tanah kira-kira satu ekar. Mengenai kemudahan-kemudahan melalui skim ini, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan melalui Kementerian Kewangan telah menyediakan skim pinjaman wang untuk membiayai harga rumah yang dibina dalam skim ini. Selain daripada itu pihak kerajaan akan menyediakan berbagai kemudahan seperti sekolah, surau, klinik dan lain-lain.

Menyentuh tentang jenis rumah pula ianya dibahagikan 4 jenis rumah yang disamakan dengan pelan Jabatan Kemajuan Perumahan bagi rancangan perpindahan yang dikenalpastikan oleh jabatan itu. Jenis A berharga \$90,000, jenis B \$80,000 jenis C \$70,000 dan jenis D \$60,000. Manakala jenis rumah kayu

11,664 permohonan telah diterima



JENIS rumah A berharga \$90,000 yang diuntukkan dalam skim pengurniaan tanah kepada rakyat jati.

yang mengikut pelan Jabatan Kerja Raya ialah jenis 5A berharga \$40,000 dan 4A berharga \$55,000. Beberapa buah kini dalam proses pembinaan.

Di samping itu Jabatan Tanah menasihatkan pemohon-pemohon yang dipanggil untuk ditemuduga supaya hadir pada tarikh yang ditetapkan dengan membawa semua dokumen yang dikehendaki dan bagi pemohon yang

belum menerima surat panggilan temuduga diharap semua bersabar memandangkan proses menemuduga diadakan secara berperingkat-peringkat. Dan pemohon-pemohon skim juga digalakkan untuk memohon skim perpindahan dan perumahan negara untuk orang-orang awam yang borangnya dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Perumahan baru-baru ini melalui Penghulu dan Ketua Kampung.

Lesen-lesen perikanan hendaklah dibaharui

ADALAH dimaklumkan kepada nelayan-nelayan dan orang ramai yang berhajat untuk menangkap ikan bahawa lesen-lesen perikanan bagi tahun 1988 hendaklah dibaharui mulai dari 1 Oktober 1987 sehingga 31 Disember, 1987. Untuk maksud ini nelayan-nelayan dan orang ramai yang berhajat untuk menangkap ikan bolehlah mendapatkan lesen-lesen mereka di tempat-tempat dan waktu-waktu seperti berikut:—


Tempat	Hari
1 Pejabat Perikanan Bandar Seri Begawan Brunei Darussalam	Tiap-tiap hari bekerja
2 Stesen Perikanan Muara	Tiap-tiap hari bekerja
3 Pejabat Perikanan Kuala Belait	Tiap-tiap hari bekerja
4 Pejabat Perikanan Tutong	Tiap-tiap hari Khamis
5 Pejabat Perikanan Temburong (satu bangunan dengan Jabatan Elektrik Temburong)	Tiap-tiap hari Isnin & Khamis

Pegawai-pegawai Melesen Perikanan juga akan pergi ke kampung-kampung seperti berikut bagi maksud yang sama.

Hari Jumaat	Kampung
9 Oktober 1987	Menunggol, Penanjong
16 Oktober 1987	Batu Marang, Danau
23 Oktober 1987	Pudak, Telisai
30 Oktober 1987	Jerudong

Pegawai-pegawai tersebut akan berada di kampung-kampung itu dari jam 8.30 pagi hingga 12.00 tengah hari dan 1.30 hingga 2.30 petang.

Adalah diingatkan kepada nelayan-nelayan dan orang ramai yang berhajat untuk menangkap ikan bahawa lesen-lesen yang sah adalah dikehendaki di bawah Akta Perikanan Penggal 61. Sesiapa yang gagal membaharui dalam jangka masa yang ditetapkan dan didapati sabit kesalahannya boleh didakwa di bawah akta tersebut.



PELAN rumah bagi skim tanah kurnia kepada rakyat jati, gambar atas jenis B yang berharga \$80,000 sementara gambar bawah jenis C berharga \$70,000.



WORLD HEALTH ORGANIZATION 38th REGIONAL COMMITTEE FOR THE WESTERN PACIFIC BEIJING 8-14 Sept. 1987



MENTERI Kesihatan Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Haji Johar (kanan sekali) ketika menghadiri Persidangan tersebut. — Gambar ihsan Kementerian Kesihatan.

Projek Komputer dan Pemusatan Rekod Perubatan dilaksanakan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kementerian Kesihatan akan memulakan satu Projek Berkomputer dan Pemusatan Rekod-Rekod Perubatan ('Computerised and Centralised Medical Records') yang akan dilaksanakan berperingkat-peringkat di Rumah Sakit Raja Isteri Pengiran Anak Saleha mulai pada hari Khamis, 8 Oktober, 1987 atau 15 Oktober, 1987.

Pada permulaan projek tersebut ianya hanya akan melibatkan pesakit-pesakit yang akan mengadakan perjumpaan dengan pegawai-pegawai perubatan (dokter-dokter) di Bahagian Pesakit Luar lelaki dan perempuan serta bahagian Kemalangan dan Kecemasan sahaja.

Oleh yang demikian orang ramai yang akan berkunjung ke tempat-tempat tersebut mulai pada 8 Oktober, 1987 atau 15 Oktober, 1987 supaya akan dapat memberikan kerjasama jika terdapat sebarang gangguan atau kelambatan ketika itu. Mereka juga dikehendaki membawa butir-butir keterangan seperti berikut:

- *Kad Perjanjian Pesakit Luar yang lama jika ada.
- *Kad Pengenal Brunei bagi pesakit-pesakit dewasa.
- *Kad Pengenal Brunei Ibu

atau Bapa bagi pesakit kanak-kanak.

*Kad Pengenal Waran bagi pegawai-Pegawai Kerajaan yang beruniform seperti Polis dan Askar yang tidak mempunyai Kad Pengenal Biasa.

*Surat Beranak, Passport atau Sijil-Sijil Keterangan lain jika tidak mempunyai Kad-Kad Pengenal seperti yang tersebut di atas.

Semasa pendaftaran pertama mereka di Bahagian Pendaftaran Pusat Rekod Perubatan Rumah Sakit Raja Isteri Pengiran Anak Saleha mulai pada hari tersebut, mereka akan dikehendaki mengisi satu borang pendaftaran sebelum diberikan Kad Perjanjian baru. Dengan adanya Kad Perjanjian baru tersebut ianya akan menunjukkan bahawa seorang pesakit itu sudah mempunyai rekod perubatan baru dan telah didaftarkan ke dalam komputer.

Projek pertama ini akan memakan masa beberapa bulan dan projek keseluruhan pula akan mengambil masa beberapa tahun. Buat masa ini hanya rekod-rekod perubatan di Bahagian Pesakit Luar dan Kecemasan sahaja yang akan digantikan dengan fail-fail

perubatan yang baru. Semua rekod-rekod perubatan yang ada di klinik-klinik pakar lainnya akan mula disatukan di peringkat keduanya dalam beberapa bulan nanti.

Projek ini adalah diharapkan untuk menubuhkan satu sistem maklumat Perubatan dan Kesihatan untuk Rumah Sakit Raja Isteri Pengiran Anak Saleha di peringkat awal ini dan kemudiannya seluruh rumah-rumah sakit dan klinik-klinik kesihatan seluruh negara. Pertubuhan Kesihatan Sedunia telah memberikan bantuan nasihat kepakaran bagi pengkajian untuk mewujudkan sistem maklumat kesihatan dan perubatan bagi Kementerian Kesihatan dari beberapa tahun yang lalu.

Dengan adanya sistem tersebut insya Allah segala maklumat-maklumat perubatan mengenai pesakit dan penyakit akan dapat dikumpulkan dan diketahui dengan segera dan baiknyanya bagi memudahkan pengurusan pesakit dan pentadbiran perubatan dan kesihatan keseluruhannya.

Persidangan J-kuasa Serantau Pertubuhan Kesihatan Sedunia bagi Rantau Pasifik Barat BEBERAPA ISU PENTING TELAH DIBINCANG

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Berhormat Menteri Kesihatan Dato Paduka Dr. Haji Johar dan rombongan telah menghadiri Persidangan Jawatankuasa Serantau Pertubuhan Kesihatan Sedunia bagi Rantau Pasifik Barat yang ke-38 yang mana telah diadakan di Red Cross Na-

tional Training Centre, Beijing, Republik Rakyat China dari 8 September hingga ke-14 September, 1987.

Menyertai rombongan Yang Berhormat ialah Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Pengiran Mohammad Yassin bin

Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Haji Abdul Momin, Pengarah Perkhidmatan Perubatan Dato Dr. Haji Hussain Daud, Pegawai-pegawai Pentadbir Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Mohammad Hussain, Awangku Osman bin Pengiran Petra dan Awang Sidek bin Ali, serta Pegawai Perubatan Dr. On Sui Chee.

Persidangan tersebut telah dibuka rasmi oleh 'First Vice Premier of the Peoples' Republic of China' dan telah dipengerusikan oleh Menteri Kesihatan Awamnya Professor Chien Min. Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Haji Johar Nordin mengambil tempat selaku Naib Presiden World Health Assembly yang mana Yang Berhormat telah dilantik di Persidangan Kesihatan Sedunia di Geneva pada bulan Mei yang lalu. Sementara itu meja Negara Brunei Darussalam diketuai oleh Pengiran Mohammad Yassin bin Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Haji Abdul Momin.

Beberapa agenda penting telah dirundingkan dan beberapa resolusi telah diambil bagi perhatian dan tindakan negara-negara ahli.

Di antara lain isu yang penting dirundingkan ialah mengenai 'Contingency Plan For Programme Budget For 1988-1989' iaitu mengenai rancangan berwaspadanya yang perlu dijalankan jika sekiranya peruntukan kewangan yang diharapkan dikutip dari negara-negara utama seperti Amerika Syarikat tidak diperolehi dan juga kekurangan wang disebabkan oleh masalah tukaran matawang negara-negara ahli.

Persidangan juga membuat perancangan pengutamaan semula projek (Reprioritisation of Projects) jika masalah-masalah ini wujud. Isu-isu mengenai penyakit Aids, Pengawasan Sumber-sumber Kesihatan Sedunia, WHO'S Public Image, Drug Supply Management, Traditional Medicine, reorientation of Health Personnel, dan Communication and Health adalah di antara perkara-perkara yang telah dirundingkan.

Rombongan negara ini telah juga membuat lawatan ke Chang Ping County di luar Beijing. Di sini rombongan telah berkesempatan melawat rumah sakit moden dan juga rumah sakit untuk rawatan tradisi yang menggunakan ramuan herba dan kaedah-kaedah tradisional dalam rawatannya. Rombongan juga dibawa menyaksikan Pengendalian Penjagaan Kesihatan Asasi Luar Bandar.

47 ribu talian telefon akan disediakan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Bagi memenuhi kehendak penduduk dan rakyat negara ini, Jabatan Telekom, Kementerian Perhubungan telah pun membeli beberapa buah ibu sawat jenis Siemens EWSD dengan jumlah 47 ribu talian.

Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Dato Paduka Awang Haji Chuchu berkata kontrak bagi pembelian itu telah pun ditandatangani pada bulan Januari lepas, dan ibu sawat yang pertama dijangka akan tiba pada bulan November ini dan akan siap dipasang pada bulan Februari tahun depan.

Menurut Dato Paduka Awang Haji Chuchu, apabila semua ibu sawat itu siap dipasang nanti, penggunaan telefon akan dapat menggunakan perkhidmatan sambung terus antarabangsa (IDD). Ini bukan sahaja di pusat-pusat bandar malahan di seluruh Kampong Ayer dan beberapa buah kampung di seluruh negara.

Dato Paduka Awang Haji Chuchu, Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan menjelaskan demikian di Majlis Meletakkan Batu Asas bagi bangunan baru iaitu sebagai tambahan kepada Rumah

Oleh Zubaidah HS

Telefon di Jabatan Telekom di sini pada 3 Oktober lepas.

Beberapa perkhidmatan yang lain juga, menurut Dato Paduka Awang Haji Chuchu sedang dalam penelitian seperti perkhidmatan telefon 'Cellular Mobile', 'Data Packet Switching' dan penguasaan penggunaan sistem facsimile.

Bangunan baru bagi Rumah Telefon, Jabatan Telekom tujuh tingkat itu nanti dijangka akan menempatkan ibu sawat yang baru bagi kegunaan ibu sawat di ibu negara.

Di samping itu juga beberapa peralatan yang lain seperti terminal bagi ibu sawat dan beberapa perkhidmatan yang lain juga akan diadakan di bangunan baru itu nanti.

Menurut Pengarah Telekom, Dato Paduka Awang Haji Abdullah, bagi menampung peralatan-peralatan teknologi baru, bangunan yang ada sekarang tidak dapat menampung keperluan-keperluan yang semakin pesat itu.



DATO Paduka Awang Haji Chuchu, Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan ketika berucap di Majlis Meletakkan Batu Asas bagi bangunan tambahan Rumah Telefon, Jabatan Telekom. Di belakang kelihatan kerja-kerja sedang dijalankan di mana terletak bangunan baru itu nanti. — Gambar oleh Harun Rashid.

IKUTI KURSUS DI UK

BANDAR SERI BEGAWAN. — Tiga orang pegawai dari Jabatan Kemajuan Kerjasama kini sedang berada di International Cooperative Training Centre (ICTC), Leicester-shire, England bagi mengikuti berbagai-bagai kursus.

Mereka ialah Awang Aji bin Haji Bagol, Penolong Pegawai Kemajuan Kerjasama, akan mengikuti kursus Diploma dalam bidang Kewangan dan Pengurusan

Perakaunan.

Sementara Awang Rosli bin Hamdi, Penyelia Kanan Kerjasama dan Awang Zaini bin Haji Raya, Penyelia Tertlatih akan mengikuti kursus Sijil Pengurusan dan Penyelidikan.

Kursus-kursus tersebut telah pun bermula pada 1 Oktober lepas. Mereka akan berada di sana selama 9 bulan iaitu melalui 'Skim Latihan Dalam Perkhidmatan'.

Kepentingan pelajari bahasa Melayu

SIKAP GENERASI MUDA DIKESALI

BERAKAS. — Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Abu Bakar bin Haji Apeng melahirkan rasa kesal terhadap sikap generasi muda yang tidak mengindahkan kepentingan mempelajari Bahasa Melayu atas alasan bahawa Bahasa Melayu adalah bahasa ibundanya.

"Kerjasama negara serantau dalam MABBIM umpamanya adalah merupakan satu manifestasi dari rasa persefahaman, permuafakatan dan kerjasama serantau dalam bidang istilah, yang mana kerjasama seperti ini perlu diteruskan," katanya.

Awang Haji Abu Bakar menambahkan, sebagai bahasa yang diharapkan dapat menyampaikan berbagai jenis pengetahuan, kita sama-sama menyedari akan ketandusan buku-buku ilmiah dalam Bahasa Melayu sungguhpun bilangan orang-orang yang mempunyai pengetahuan di bidang-bidang berkenaan telah bertambah.

Dalam kesempatan itu, Awang Haji Abu Bakar telah mengalu-alukan penulis-penulis dan para cendekiawan tanahair untuk menghulurkan sumbangan masing-masing yang diyakini akan lebih bermakna menggunakan latarbelakang tempatan.

Menyentuh mengenai seminar bahasa anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka selama tiga hari itu, beliau percaya di samping menjadi forum untuk bertukar-tukar fikiran dan pandangan mengenai isu semasa di bidang bahasa, kesusasteraan dan kebudayaan, ianya juga memperkaya peserta-peserta tempatan dalam memperluas pengalaman, mempertajam pengamatan dalam menghadapi perkembangan di bidang berkenaan.



PENGARAH Dewan Bahasa dan Pustaka, Awang Haji Ahmad bin Kadi menyampaikan sijil penyertaan kepada salah seorang peserta di majlis penutupan rasmi Seminar Bahasa selama tiga hari. — Gambar oleh Pengiran Abu Bakar PHO.



AWANG Haji Abu Bakar bin Haji Apeng, Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri ketika berucap menutup rasmi Seminar Bahasa anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka baru-baru ini. — Gambar oleh Pg. Abu Bakar PHO.

Dari muka 1

pemikiran secara kolektif sebagai usaha menanamkan keinginan mahu membudayakan dan memasyarakatkan Bahasa Melayu, yang bukan hanya keperluan komunikasi pasaran sahaja tetapi juga penghayatan tinggi yang mampu dibincangkan oleh masyarakat dalam bentuk lebih ilmiah.

Seminar Bahasa yang berlangsung selama tiga hari di Dewan Kuliah Stadium Negara Hassanah Bolkiah anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka itu telah membentangkan empat kertas kerja masing-masing bertajuk "Mata Pelajaran Bahasa Melayu dalam Kurikulum Sekolah" oleh Pengiran Hajah Mariam, Pengarah Perkembangan Kurikulum, "Bahasa Melayu dalam Perlembagaan" oleh Pengiran Zabidah, Timbalan Penasihat Undang-Undang Kanan, "Peranan Sebaran Am oleh Pengiran Badaruddin, Pengarah Penyiaran dan Penerangan dan "Bahasa Melayu dalam Penulisan Sastera" oleh Haji Abdullah, Pegawai Bahasa Kanan Dewan Bahasa dan Pustaka.

Tujuan utama seminar yang julung-julung kalinya diadakan itu ialah untuk meninjau kedudukan serta sejauh mana kemampuan Bahasa Melayu dalam bidang pelajaran, undang-undang, perhubungan dan penulisan sastera kreatif di samping agar dapat mendedahkan aspek-aspek dan bidang baru ke arah memperkukuhkan dan mempertingkatkan Bahasa Melayu itu menjadi suatu bahasa yang "Viable" dan serba lengkap dalam semua perkara.

RALAT

PENGUMUMAN yang bertajuk "Pemecatan dan perlucutan gelaran" muka 24 akhbar ini keluaran 30 September, 1987 terdapat sedikit kesilapan pada ruang ketiga. Bahagian itu hendaklah dibaca seperti berikut: Pengiran Anak Tahiruddin bin Pengiran Anak Safiuddin, dipecat dari gelarannya. "Yang Amat Mulia Pengiran Indera Negara". — Penyunting.

Senarai harga-harga kereta 'NISSAN' dan 'SUZUKI'

BERIKUT di bawah ini adalah senarai harga-harga Kereta "NISSAN DAN SUZUKI" yang dijual dari Syarikat BOUSTEAD yang telah diluluskan oleh Pengawal Harga baru-baru ini seperti berikut: —

JENIS KERETA (Type of Cars)	HARGA JUALAN (Showroom Selling Price)	HARGA JUALAN PENUH (Selling Price On The Road)
NISSAN SUNNY 1.3 LX SEDAN (Manual) Model: B12FU. Radio/Cassette; Safety Belts; Door Mirror; Rear Defogger; etc	\$18,050.00	\$18,772.00
NISSAN SUNNY 1.5 SGX STATION WAGON (Manual). Model: WHB12JFUCPSW. Aircondition; Radio/Cassette; Rear Defogger; Safety Belts; etc.	\$18,400.00	\$19,152.00
NISSAN SUNNY 1.5 SLX SEDAN (Manual) Model: HB12HFUCP. Aircondition; Radio/Cassette; Safety Belts; Door Mirror; Power Steering; Rear Defogger; Tricot Seat; Alloy Wheel	\$20,550.00	\$21,380.00
NISSAN SUNNY 1.5 SLX SEDAN (Auto) Model: HB12HAUCP. Aircondition; Radio/Cassette; Safety Belts; Door Mirror; Power Steering; Rear Defogger; Tricot Seat; Alloy Wheel	\$21,400.00	\$22,230.00
NISSAN SUNNY 1.6 2-DRS COUPE TWIN CAM. Model: KEB12HFEUCR. Aircondition; Radio/Cassette; Power Steering; Power Window; Side Skirt; Spoiler; Headrest Side Mirrors; Fog Light; Alloy Wheel; etc.	\$25,950.00	\$27,002.00
NISSAN LAUREL 2.0 GL (Manual) Model: HJC3HU. Aircondition; Radio/Cassette; Power Steering; Power Window; Headrest; Side Mirror; etc	\$21,000.00	\$21,867.00
NISSAN LAUREL 2.0 DX SEDAN (Manual) Model: PJC32VFUCL. Aircondition; Power Steering; Radio/Cassette; Safety Belts; Door Mirror; Rear Defogger; Tricot Seat; Full Wheel Cover; etc.	\$27,500.00	\$28,523.00
NISSAN LAUREL 2.4 GL SEDAN (Auto) Model: MJC32HAUCL. Aircondition; Power Steering; Power Window; Radio/Cassette; Safety Belts; Door Mirrors; Rear Defogger; Tricot Seat; Full Wheel Cover; Alloy Wheel; etc.	\$31,400.00	\$32,562.00
NISSAN BLUEBIRD 1.8 GL Model: U11HFU. Aircondition; Radio/Cassette; Power Steering; Power Window; Headrest; Side Mirror; etc.	\$21,500.00	\$22,365.00
NISSAN SILVIA 2.0 HATCHBACK SUNROOF. Model: RPJS12FEUCPW. Radio/Cassette; Power Steering; Power Window; Sport Wheel; Rear Defogger; Sunroof and Auto Door Mirror	\$25,950.00	\$26,947.00
SUZUKI SA413 GT 3-DRS. Model: HEJ438HRAJROI (1324 c.c.) Radio/Cassette Stereo; Remote Control Door Mirrors; Spoiler; Side Skirts; Safety Belts; Headrest; Rear Defogger; Full Wheel Cover; etc.	\$14,100.00	\$14,776.00
SUZUKI SJ410 HARD TOP Model: MAK312HRINBOI (970 c.c.) Radio; Side Mirrors; Safety Belts; Headrest; Alloy Wheel etc.	\$15,400.00	\$16,095.00
SUZUKI SA413 GXI 5-DRS. Model: HEN574HRAAL61 (1324 c.c.) Radio/Cassette Stereo; Remote Control Door Mirrors; Full Wheel Cover; Clock; Safety Belts; Headrests; Rear Defogger; etc.	\$16,500.00	\$17,233.00
SUZUKI SJ413 RESIN TOP Model: GAE424HRKZOI (1324 c.c.) Radio; Side Mirrors; Safety Belts; Headrests; Alloy Wheel; etc.	\$18,400.00	\$19,190.00

Orang ramai bolehlah menghubungi Pengawal Harga atau pegawai yang berkenaan Nomor Telefon 25555 atau 41910, Unit Perancang Ekonomi, Kementerian Kewangan, Negara Brunei Darussalam, jika sekiranya harga-harga yang mereka jual itu berlainan dari harga-harga yang telah ditetapkan sebagaimana yang dinyatakan di atas.

Kanak-kanak patut diasuh dengan nilai berkebakjikan

BERAKAS. — Kanak-kanak patut diasuh dan diberi dorongan dengan nilai-nilai yang berkebakjikan seperti berjinak-jinak dengan puisi.

Sebagaimana yang kita ketahui kanak-kanak mempunyai sifat naluri ingin tahu dan memahami dari apa yang didengar atau dilihatnya.

Dari sifat naluri mereka ini lah, usaha-usaha dalam menungkil bakat mereka dalam pembacaan puisi adalah kena pada tempatnya di samping mendedahkan mereka kepada nilai-nilai seni, tegas Awang Abd. Hakip bin Haji Burut, Pengetua Sekolah Menengah

Berakas ketika melancarkan Peraduan Deklamasi Puisi Kanak-Kanak anjuran Persatuan Asterawani, yang berlangsung di Dewan Sekolah Menengah Berakas di sini pada 4 Oktober, lepas.

Deklamasi Puisi Kanak-Kanak yang julung kalinya diadakan adalah salah satu daripada acara yang disediakan oleh Persatuan Asterawani sempena dengan Jubli Peraknya.

Menurut Awang Abd. Hakip, kanak-kanak pada

peringkat permulaan patut diberi peluang berjinak-jinak dengan puisi, dengan yang demikian akan menimbulkan kemesraan dan ingin memahami apa dia dalam puisi itu.

Seramai 23 orang murid dari 12 buah Sekolah-Sekolah Rendah Daerah Brunei dan Muara telah menyertai Peraduan Puisi Kanak-Kanak peringkat awal itu.

Mereka telah membawakan puisi-puisi dari karya penulis-penulis tempatan, di antaranya puisi 'Kasihlah Ayah dan Ibu' karya Awang Jawawi Haji Ahmad, 'Menyambut Hari Merdeka' karya Hidup Zin, puisi 'Jangan Lupa' karya Muslim Burmat dan lain-lain lagi.

Dalam peraduan tersebut sepuluh peserta telah terpilih ke peringkat akhir yang dijangka akan diadakan akhir bulan Oktober ini.

Terdahulu sebelum peraduan Deklamasi Puisi Kanak-Kanak dijalankan pada hari tersebut, ucapan alu-aluan juga telah disampaikan oleh Pengerusi Majlis, Awang bin Pawi.



PEGAWAI Pemerintah Tentera Laut, Leftenan Kolonel Awang Mohammad Noeh memperkenalkan pegawai-pegawainya kepada Pegawai Pemerintah Angkatan Armada Timur India, Laksamana Muda Lakhar Haq dan Pegawai Kapal Perang Udaygiri Komander Bedi. — Gambar oleh Haji Sharbini Taha.

Lawatan kapal perang India

MUARA. — Kapal Perang India "UDAYGIRI" telah mengakhiri lawatannya Jumaat lalu setelah mengadakan lawatan muhibah selama seminggu ke negara ini.

Kapal yang merupakan sebahagian dari Angkatan Armada Timur India itu diketuai oleh Pegawai Pemerintah Armada, Laksamana Muda Lakhar Haq. Kapal UDAYGIRI yang memasuki Pelabuhan Muara Insin lalu, membawa hampir 400 orang anak buahnya ter-

masuk 40 orang pegawai.

Selepas ketibaannya, Laksamana Muda Lakhar Haq telah membuat kunjungan muhibah kepada Pegawai Pemerintah Flotilla, Leftenan Kolonel Mohammad Noeh bin Abdul Hamid. Kunjungan muhibah juga dibuat kepada Ketua Turus Angkatan Bersenjata, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral Dato Seri Pahlawan Haji Mohammad.

Semasa berada di negara

itu, Pegawai Pemerintah Angkatan Armada Timur India juga mengadakan kunjungan muhibah kepada Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral Pengiran Haji Ibnu. Perjumpaan itu dihadiri bersama oleh Pesuruhjaya Tinggi India ke Negara Brunei Darussalam, TYT Tuan Preet Mohan Singh, yang beribu pejabat di Kuala Lumpur dan Pegawai Pemerintah Kapal Perang UDAYGIRI, Komander Bedi.



DENGAN gaya yang tersendiri, murid-murid ini menunjukkan minat dalam mendeklamasikan puisi yang mereka bawaikan. — Gambar oleh Pg. Bahar PHO.

PIMPIN MASYARAKAT SECARA SUKARELA

Dari muka 2

di sanubari ahli-ahli anggota semua persatuan di negara ini? Melihat keadaan persatuan-persatuan kita di negara ini, khususnya persatuan-persatuan belia, soalan ini sudah terjawab dengan sendirinya. Tidak keterlaluan kalau saya katakan bahawa kebanyakan persatuan-persatuan belia di negara ini adalah dalam keadaan "Hidup segan mati tak mau". Jika benar kita mengakui bahawa belia hari ini akan menjadi pemimpin hari esok, sampai bilakah belia-belia kita yang menerajui persatuan-persatuan belia sekarang ini akan membiarkan berlakunya keadaan yang saya sebutkan tadi.

Komitmen ahli-ahli persatuan kepada persatuannya, dan komitmen sesebuah persatuan kepada kemajuannya dan seterusnya, terhadap perkembangan dan pembangunan masyarakatnya adalah sangat mustahak kerana semangat sedemikian akan dapat dikembangkan dalam proses pembangunan bangsa dan negara. Perkara ini telah kerap-kali dibincangkan ataupun dibahaskan di dalam majlis-majlis dialog, forum, seminar dan yang seumpamanya, yang sering dihadiri ataupun diadakan di dalam, mahupun di luar negeri.

Oleh yang demikian, saya dengan ikhlas menyarankan kepada seluruh persatuan belia yang kedudukannya dalam keadaan kritikal pada masa ini agar akan mula mencari ramuan-ramuan yang dapat mengubah penyakit yang mereka hadapi

pada masa ini. Dalam hubungan ini saya berpendapat, Majlis Belia Brunei (MBB), perlulah memainkan peranan yang penting dalam hal ini. Saya tidak akan mengemukakan apa yang harus dibuat kerana saya percaya pengalaman, kaliber dan personaliti ahli-ahli MBB adalah lebih dari mencukupi untuk 'beramu' sesama sendiri dalam mencari satu formula dan membuat ubat bagi penyakit yang dihidapi oleh kaum kerabatnya. Jika ini gagal diperubik oleh MBB sebagai indung kepada persatuan-persatuan belia di negara ini, maka keadaan yang dihadapi di masa hadapan sudah dapat kita bayangkan dan semoga apa yang kita bayangkan itu tidak akan menjadi kenyataan.

Saya menyarankan perkara ini bukanlah bererti yang Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mengundur diri dari sama-sama bertanggungjawab dalam memperbaiki keadaan ini. Apa yang saya maksudkan ialah biarlah tanggungjawab itu dibahagi mengikut keperluan dan keutamaannya. Saya sudah pun membentangkan pendapat saya tentang tugas persatuan-persatuan dan MBB sebentar tadi, tugas Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam perkara ini adalah juga berat dalam konteks ia mempunyai strategi dan cara yang difikirkan berfaedah secara jangka panjang yang hanya dapat dirancang dan

dilaksanakan mengikut lunas-lunas dan peraturan-peraturan kerajaan yang mana adalah di luar kemampuan persatuan-persatuan belia atau MBB untuk melakukannya. Pada setakat ini cukuplah kalau saya mengatakan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sedang memainkan peranan; tetapi dalam pada itu, saya juga perlu menekankan bahawa usaha di sebelah pihak sahaja, iaitu di pihak kerajaan tidak akan menjamin kejayaan persatuan-persatuan belia tanpa adanya kesedaran menolong dan membina diri sendiri di kalangan mereka yang berkenaan.

Dalam Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan memainkan peranannya saya telah berulang kali menyatakan bahawa pintu kementerian dan jabatan-jabatan di bawahnya yang berkaitan adalah sentiasa terbuka luas di mana persatuan-persatuan dapat memasukkan bagi mendapatkan bantuan dan pertolongan yang mana semuanya itu akan dipertimbangkan mengikut peraturan, keutamaan dan keperluannya. Saya menegaskan perkara ini sekali lagi pada pagi ini adalah dari pengalaman yang ada bahawa kesempatan ini jarang sekali dipergunakan dengan sebaiknya terutama sekali di kalangan persatuan-persatuan belia. Walau bagaimanapun tidak dinafikan bahawa peluang sedemikian sentiasa digunakan oleh persatuan-persatuan sukan dan sekali sekala oleh persatuan-

persatuan kebudayaan dan persuratan.

Menyentuh persoalan hidup mati dan bergerak lumpuhnya sesuatu persatuan belia, pernah disarankan sebelum ini bahawa kononnya aktiviti dan pergerakan persatuan untuk maju adalah terbatas kerana ketiadaan dasar belia negara atau akta atau undang-undang yang dapat mengawal pergerakan belia dan seumpamanya. Saya menggunakan perkataan 'konon' kerana saya sendiri belum yakin tentang kebenaran kenyataan ini. Analisa yang dibuat menunjukkan bahawa dalam keadaan yang ada sekarang adalah masih baik dan dapat dipraktikkan. Walaupun begitu Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, menerusi Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan memang mempunyai garis panduan usaha-usaha mengembangkan persatuan-persatuan belia di negara ini.

Apa yang penting dewasa ini, saya berpendapat, ialah konsentrasi patut ditumpukan kepada masalah yang dihadapi sekarang. Dalam erti kata lain kita jangan dahulu mengura-urakan perkara-perkara yang besar seperti dasar dan akta, jika rumah tangga sendiri belum teratur dan matlamat serta perlembagaan persatuan belum dapat dipenuhi dan dirunai. Jika MBB dan kaum kerabatnya sudah sembuh dan kembali sihat walafiat, insya-Allah perkara-

perkara besar seperti itu akan kita sama-sama usaha demi kepentingan masa depan dan anak cucu kita. Penumpuan fikiran yang constructive dan rasional adalah perlu di kalangan pemimpin persatuan-persatuan belia kerana kita sama-sama tahu bahawa masih banyak ruang-ruang perlu dipertingkatkan dan diperbaiki.

Sehubungan dengan kepimpinan persatuan-persatuan belia ini saya suka lah menyuarakan seruan supaya cendekiawan-cendekiawan kita di negara ini yang terdiri dari orang-orang muda yang berkelulusan tinggi dari dalam dan luar negeri untuk tampil kehadapan mencemburkan diri dalam pengurusan persatuan-persatuan belia yang ada dipersekitaran mereka. Pelaburan kerajaan terhadap mereka untuk mencapai kelulusan tinggi bukan hanya semata-mata bagi mereka itu menjadi rakyat yang pandai dan memberi perkhidmatan kepada kerajaan selepas menamatkan pengajian, tetapi juga adalah untuk memimpin masyarakatnya yang mana salah satu jalannya persatuan-persatuan yang terdapat di sekelilingnya. Pengetahuan dan pelajaran mereka itu adalah berguna dalam pengurusan sesuatu organisasi terutama sekali dalam keadaan dunia yang sentiasa berubah yang kita lalui setiap detik dan masa.

Menyentuh perubahan alam sekeliling, sama ada ia bercorak politik, ekonomi, sosial dan sebagainya, saya inginlah juga menyarankan

kepada pemimpin-pemimpin dan ahli-ahli persatuan supaya akan sentiasa sensitif terhadapnya. Dalam keadaan dunia dewasa ini sensitiviti kita kepada persekitaran yang ada amatlah perlu dalam mana pemimpin dan ahli persatuan yang pandai dan berpengalaman akan sentiasa membuat penyesuaian dalam langkah dan tindak tanduk mereka dalam menyusun strategi mewujudkan kestabilan, pembangunan dan perkembangan persatuan yang mereka anggotai. Hanya dengan adanya kesedaran ini sesebuah persatuan akan dapat dibentuk dan dikembangkan mengikut dan selaras dengan keadaan dan masa yang dilaluinya dan seterusnya akan dapat bertahan lama dalam arus perubahan dunia.

Buat menutup ucapan saya ini sekali lagi saya ingin mengucapkan tahniah kepada pemimpin-pemimpin dan ahli-ahli Persatuan PESAKA kerana perayaan ulang tahun ke-25 penubuhannya. Semoga ini akan menjadi contoh dan teladan kepada persatuan-persatuan yang lain; maksud saya bukan sahaja untuk hidup pada masa selama 25 tahun dan terus meraikan Jubli Perak, tetapi yang pentingnya ialah peranan dan sumbangan yang diberikan selama usia itu dalam proses pembangunan masyarakat belia dan seterusnya pembangunan bangsa dan negara.


Dengan kalimah Bismillahir Rahmanir Rahim saya dengan sukacita dengan ini merasmikan perayaan Jubli Perak Persatuan Melayu Keriam Tutong pada hari ini.



ROYAL BRUNEI

Kelayakan:—


1. Mestilah rakyat kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
2. Mestilah berumur 17 tahun ke atas.
3. Berkelulusan empat (4) mata pelajaran Sijil Pelajaran Peringkat Biasa termasuk Bahasa Inggeris, Matematik, Bahasa Melayu dan satu (1) mata pelajaran Sains. Mempunyai kelulusan Sijil Pelajaran Peringkat Lanjutan adalah merupakan satu kelebihan.
4. Berbadan sihat dan mempunyai penglihatan yang baik.



PELATIH KEJURUTERAAN

DENGAN kerjasama Jabatan Pelajaran, Penerbangan Diraja Brunei mengurniakan Dermasiswa bagi pemuda-pemuda untuk menjalani kursus sebagai Pelatih-Pelatih Kejuruteraan.

Pemohon yang berminat hendaklah menulis dengan memberi keterangan diri dan disertakan bersama sijil-sijil yang berkenaan kepada Pengurus Kakitangan, Penerbangan Diraja Brunei, P.O. Box 737, Bandar Seri Begawan 1907, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari 23 Oktober, 1987.





ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI KEMENTERIAN PERTAHANAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Ceburilah Kerjaya Tentera Sebagai Pemimpin

NEGARA AMAN MAKMUR RAKYAT HIDUP BAHAGIA
KEAMANAN DAN KEMAKMURAN NEGARA TERLETAK DI TANGAN AWDA



Sebagai Pegawai Bertauliah jangka tetap dan pendek di dalam Angkatan Bersenjata Diraja Brunei di dalam jurusan Tentera Darat, Tentera Laut dan Tentera Udara bagi Lelaki dan Wanita.

Syarat-syaratnya :

Syarat-syaratnya :

BAGI BAKAL-BAKAL PEGAWAI LELAKI

- Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- Awang-awang mestilah lulus 4 (empat) mata pelajaran peringkat 'O' dan mestilah lulus Bahasa Inggeris, Ilmu Hisab, Mata Pelajaran Sains dan Fizik atau apa-apa jua kelulusan akademik yang lebih tinggi akan diberi keutamaan.
- Berumur $17\frac{1}{2}$ tahun hingga 25 tahun pada 22 Oktober, 1987 dan mestilah masih bujang.
- Berat badan tidak kurang 47.25 kg atau 105 lb tinggi tidak kurang dari 1.54m atau 5 kaki 1 inci dan berbadan sihat.

Awang-awang dan Dayang-dayang mestilah terdiri dari salah satu puak seperti berikut :

- | | |
|------------|-----------|
| a. Brunei | e. Dusun |
| b. Belait | f. Murut |
| c. Tutong | g. Bisaya |
| d. Kedayan | |

Tarikh tutup permohonan pada 22 Oktober, 1987.

BAGI BAKAL-BAKAL PEGAWAI WANITA

- Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- Dayang-dayang mestilah lulus 4 (empat) mata pelajaran peringkat 'O' dan mestilah lulus Bahasa Inggeris, Ilmu Hisab, Mata Pelajaran Sains dan Fizik atau apa-apa jua kelulusan akademik yang lebih tinggi akan diberi keutamaan.
- Berumur $17\frac{1}{2}$ tahun hingga 25 tahun pada 22 Oktober, 1987 dan mestilah masih bujang.
- Berat badan tidak kurang 44.10 kg atau 98 lb, tinggi tidak kurang dari 1.45m dan berbadan sihat.

Borang-borang permohonan dan penerangan lanjut boleh didapati daripada :

Pejabat Pengambilan
Angkatan Bersenjata Diraja Brunei
Kementerian Pertahanan
Bolkiah Garison 2049
Negara Brunei Darussalam

Borang-borang permohonan Awang-awang dan Dayang-dayang mestilah dihantar tidak lewat pada hari Khamis 22 Oktober, 1987.

BERKHIDMATLAH DENGAN ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI

rtb Intisari minggu ini

Radio Minggu Ini:

PERANAN RADIO BRUNEI: MENGUBAH SIKAP KAUM WANITA

LEBIH kurang 30 tahun dulu suara lembut wanita di negara ini telah mula dipancarkan ke udara menerusi siaran Radio Brunei. Radio Brunei yang baru saja memulakan perkhidmatannya kepada orang ramai di negara ini pada tahun 1957 itu juga secara tidak langsung mengetengahkan peranan wanita, terutama sekali di dalam membuat kerja-kerja yang agak mencahbar. Satu-satunya kerja baru dan agak mencabar ketika itu ialah dalam media penyiaran radio.

Menerusi Radio Brunei juga peranan yang dimainkan oleh kaum wanita di negara ini perlahan-lahan berubah dan meningkat maju. Wanita-wanita di negara ini sama ada yang tinggal di bandar, pekan-pekan mahupun di kampung-kampung pedalaman perlahan-lahan didedahkan dengan berbagai-bagai pembaharuan pemikiran dan idea. Sebagai media siaran yang ulung di Negara Brunei Darussalam, Radio Brunei agak mudah mendampingi masyarakat pendengar di negara ini.

Malahan Radio Brunei juga dengan mudah berkomunikasi dengan semua lapisan kaum wanita di negara ini mengenai berbagai-bagai perkara yang agak berfaedah.

Sebelum Radio Brunei memberikan perkhidmatan dalam bidang penyiaran di awal-awal tahun 1950-an, kegiatan dan juga kemajuan kaum wanita di negara ini agak sukar diketahui oleh masyarakat ramai. Ini adalah disebabkan oleh kurangnya informasi dan maklumat-maklumat mengenainya. Tetapi, selepas tahun 1957 barulah pengetahuan masyarakat ramai mengalir kepada kemajuan dan aktiviti kaum wanita.

Sejak tertubuhnya penyiaran Radio Brunei kaum wanita di negara ini terus diberikan kesempatan-kesempatan yang baik dan berfaedah, bagi menyuarakan pandangan dan sikap mereka yang ada hubungkaitnya dengan kaum wanita sendiri dan juga berbagai aspek pembangunan negara. Pandangan dan buah fikiran yang disalurkan menerusi media elektronik tersebut, tentu saja dapat

didengar dan diikuti dengan baiknya oleh pendengar-pendengar kaum wanita di negara ini khususnya.

Kini kemajuan kaum wanita di Negara Brunei Darussalam jelas terserlah dan terbukti hasil kemajuannya. Walaupun begitu, Radio Brunei tetap tidak jemu-jemu memberikan maklumat-maklumat dan informasi kepada masyarakat di negara ini tentang peningkatan mutu kemajuan kaum wanita di negara ini dari semasa ke semasa. Kerana ini adalah tugas mutlak Radio Brunei di dalam menghebah dan menyiarkan setiap aspek kemajuan dari semua golongan dan peringkat di negara ini.

Bagi pendengar-pendengar Radio Brunei, perkhidmatan Radio Brunei hari ini begitu banyak menyediakan rancangan-rancangan untuk kaum wanita sendiri. Hal ini adalah memandangkan peranan kaum wanita di negara ini agak sebanding dengan tugas-tugas yang dilakukan oleh golongan lelaki. Umpamanya, di bidang penyiaran hari ini kaum wanita di negara ini tidak asing lagi membuat kerjaya serupa ini. Malahan, kerjaya ini adalah titik permulaan mereka mengubah sikap kaum sejenisnya sendiri.

Dari kerjaya sebagai penyiar kaum wanita meneroka lagi kepada kerjaya-kerjaya yang lebih mencahbar dan lasak iaitu, seperti polis wanita, askar wanita dan bomba wanita. Mengapakah kaum wanita cenderung untuk melibatkan diri di bidang kerjaya mencabar ini? Adakah hanya ikut-ikutan ataupun dorongan-dorongan yang lain seperti kewangan, minat atau yang lain-lainnya? Persoalan di atas tentu saja dapat dijawab mengikut pandangan sendiri-sendiri. Tetapi, walau bagaimanapun, peranan Radio Brunei agak berpengaruh juga kepada kaum wanita di negara ini di dalam mengubah sikap dan pandangan mereka terhadap masyarakat dan negara dari semasa ke semasa.



RANCANGAN NADA PEDOMAN

RANCANGAN Nada Pedoman keluaran Jumaat 9 Oktober, 1987, jam 12.00 tengah hari akan disiarkan oleh Kumpulan Nasyid Maktab Duli Pe-

ngiran Muda Al-Muhtadee Billah Gadong.

Sukacita kepada para pendengar khususnya yang ingin menyertai rancangan

ini adalah dialu-alukan dan jangan lepaskan peluang untuk menghubungi Penerbit di Bahagian Melaju RTB Tel No : 43111 sambungan 258/259.

Sandiwara Radio:

“CIKGU MASA YU”

MINGGU ini Sandiwara Radio berjudul “CIKGU MASA YU” hasil tulisan Idayu, Negara Brunei Darussalam.

Sandiwara ini berkisarkan di kalangan guru-guru yang mengajar di sebuah sekolah kampung. Di antara mereka ialah Cikgu Ayu yang menaruh sikap berdendam terhadap kaum lelaki. Dia membenci lelaki kerana ia pernah dikecewakan oleh kekasih lamanya.

Cikgu Salmi pula sering menasihatkannya agar ia mengubah sikapnya, lebih-lebih lagi setelah kehadiran seorang guru lelaki yang baru dan masih bujang ke sekolah itu.

Guru baru yang bernama Masri itu pula bersifat pemalu pada kaum wanita, kerana itulah dalam usianya 36 tahun pun ia masih tetap membujang. Tapi teman-teman seperjuangan di sekolah itu berusaha untuk menjodohkan Masri dengan Ayu.

Kerana perbuatan mereka itu, Ayu mulai merasa gelisah sehingga ia memutuskan minta ditukar ke sekolah yang lain. Keputusannya itu tidak

mendapat restu dari guru besar sekolah itu.

Untuk menjernihkan keadaan, Cikgu Masri dalam keadaan yang gugup menemui Cikgu Ayu agar ia mengetahui akan kedudukan yang sebenar. Apa-

kah yang terjadi seterusnya? Ikutilah siaran sandiwara ini nanti pada 11 Oktober, 1987, jam 11.30 pagi.

Rancangan ini diterbitkan oleh Haji Abdullah Awg. Damit.

Mari Memasak:

NASI KEBULI PAELLA

BAHAN-BAHAN-
NYA :—

- 5 sudu makan minyak untuk menggoreng
- ulas bawang putih dipotong-potong halus
- 1 biji bawang besar (100 gram) dipotong-potong
- 200 gram udang dikupas kulitnya
- 200 gram cumi (sotong) dipotong 2 sm cumi dibuat kotak
- 2 tangkai lada hidup merah dibuang biji
- 700 gram beras
- 800 cc air rebusan ayam
- 2 hingga 3 sudu makan paste tomato
- 4 sudu teh garam
- 900 gram daging ayam dipotong cube
- 150 gram kacang/‘green

peas’ dalam tin tapis-kan
100 gram ‘corn beef’ dipotong 1 x 5sm
1 biji paprika.

CARA-CARA MEMBUATNYA:

Panaskan minyak, goreng bawang putih dan bawang merah besar sampai layu. Kemudian masukkan udang, cumi, ayam, lada merah, paprika dan beras.

Gaulah kemudian tuangkan/masukkan air rebusan ayam ke dalamnya dan tambahkan paste tomato dan garam.

Masak hingga air rebusan ayam terserap beras.

Setelah itu masukkan ‘green peas’ ke dalamnya. Kukus nasi hingga masak.



Sudut Remaja

MENERUSI Sudut Remaja Minggu Ini rancangan akan diisikan oleh Rafina Abd. Majid.

Rafina masih menuntut dan menurutnya menya-

nyi adalah sebagai hobi saja.

Rafina akan menemui pendengar pada hari Isnin 12 Oktober, 1987, jam 4.00 petang.

RANCANGAN

PIHAK Radio Televisyen Brunei berhak untuk menukar mana-mana jua rancangan yang difikirkan perlu tanpa memberitahu terlebih dahulu.

MINGGU INI

HARI RABU
7 OKTOBER

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
4.17 AL-QURAN
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 FLINTSTONE KIDS
5.00 WIND IN THE WILLOWS: "Badger's Remedy"
5.25 DEFENDERS OF THE EARTH: "The God Awakes"
5.45- RINGKASAN BERITA
5.50 MY SISTER SAM: "The Aunt Elsie Crisis—Day One"
Sam tidak dapat mengendalikan sesuatu apabila ibu saudaranya yang cerewet yang membesarkan dan adik perempuannya Patti, datang menjenguk mereka.
6.10 AZAN MAGHRIB
6.15 AL-QURAN DAN TERJEMAHAN-NYA
6.25 ANIMALS IN ACTION: "Armour"

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.19 AZAN ISYAK
7.24 BIMBINGAN ISLAM
7.35 SMALL WONDER: "Chewed Out"
8.10 L. A. LAW: "Douglas Fur Ball"
9.00 WARTA BERITA
9.25 SUDUT PELITA
9.30 LIPUTAN NASIONAL
10.00 MUSICAL: EUROTOS
10.50 THE COLBY: "Power Play"
Jason menerima berita buruk mengenai kakaknya Connie setelah Jeff dan Miles dikerah ke India untuk mencarinya; akibat dahagakan kuasa Sable membuat Monica dan Bliss mengasingkan diri darinya; sementara sebuah laporan akhbar pula memaparkan Jason sebagai menjual negeri kepada Soviet.
11.50 SIARAN TAMAT

HARI KHAMIS
8 OKTOBER

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
4.17 AL-QURAN
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 SESAME STREET
5.25 HEATHCLIFF
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 1, 2, 3 GO (Episod akhir)
6.05 ECONOMIC TODAY
6.10 AZAN MAGHRIB
- b) Dapat menguasai bahasa Melayu dan Inggeris dengan baik.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab :

- Membantu tugas-tugas ketua unit dan menjalankan tugas-tugasnya semasa ketiadaannya jika diarahkan.
- Menguruskan dan mengawasi tugas-tugas dan kegiatan makmal, menyediakan perbekalan dan keperluan tahunan, dan membuat catatan-catatan dan laporan makmal di samping menjalankan tugas-tugas harian membuat rujukan dan laporan 'laboratory findings'.

3. KERANI PERAKAUNAN TINGKAT II

(Bilangan Kod : 102 33-124)
(Di Kementerian Kewangan)
Tanggagaji : C.1-2 EB.3 — \$1280-\$2270 sebulan.
Kelayakan :

- i) Dua mata pelajaran di Peringkat Lanjutan dan tiga mata pelajaran di Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya.
- ii) Berpengalaman bekerja dalam soal-soal perakaunan tidak kurang dari tiga tahun.
- iii) Mempunyai kelulusan Peringkat Pertama L.C.C. R.S.A. atau yang sebanding dengannya adalah satu kelebihan.
- ATAU
- i) Sedang dan telah berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Kerani Tingkatan III tidak kurang dari lima tahun.
- ii) Lulus Peperiksaan Kerani-kerani Rendah.
- iii) Berpengalaman dalam bidang simpan kira dan bank.
- iv) Mempunyai kelulusan dalam Peringkat Pertama Simpan Kira dan Peraturan Pejabat Peringkat Menengah dari peperiksaan L.C.C., R.S.A. atau yang sebanding dengannya serta memiliki Sijil mengikuti kursus mengendalikan Word Processor adalah satu kelebihan.
- b) Berpengalaman dalam membuat kerja-kerja yang berkaitan dengan percukaian, stamp-duty dan mengetahui serba sedikit Akta-akta Percukaian Stamp-duty dan Companies (Authorised Auditors) Rules, adalah lebih diutamakan.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab :

- Membantu Pegawai-pegawai atasannya dalam mengendalikan kerja-kerja dan penyediaan kira-kira lembaga atau perangkaan bank-bank negara ini.
- Akan menyediakan kira-kira akhir akaun Lembaga Matawang serta mengendalikan penggunaan Computer Work Processor dan Telex, adalah salah satu tugas utama mereka.

4. PEMBANTU TEKNIK KANAN

(Bilangan Kod : 004 03-992)
(Di Jabatan Pertanian, Kementerian Pembangunan)
Tanggagaji : C.2 EB.3 — \$1450-\$2270 sebulan.
Kelayakan :

- Mestilah beragama Islam.
- i) Higher National Certificate dalam jurusan Kejuruteraan Mekanik atau yang sebanding dengannya.
- ATAU
- ii) — Sedang dan telah berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Pembantu Teknik dalam jurusan yang bersesuaian tidak kurang dari lima tahun.
- Berpengalaman yang luas dalam bidang mekanik terutamanya di bidang pemeliharaan dan pengendalian pusat-pusat penyembelihan ternakan serta mempunyai Boiler Chargemen's Certificate.
- Berpengalaman prestasi kerja yang baik.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab :

Menjalankan tugas-tugas pemeliharaan dan pengendalian Pusat Penyembelihan Ternakan, Mulaut termasuk pressure boilers, calorifiers and refrigeration equipment dan lain-lain yang berhubung dengannya.

5. PEMERIKSA LESEN-LESEN RAMPAIAN

(Bilangan Kod : 012 31-067)
(Di Jabatan Lembaga Kemajuan Ekonomi, Kementerian Kewangan)
Tanggagaji : C.3-4 EB.5 — \$1990-\$2970 sebulan.
Kelayakan :

- Higher National Diploma (HND) atau TEC Higher Diploma dalam bidang Pengurusan dan Pentadbiran Perniagaan, Undang-Undang atau Perakaunan atau kelulusan dan bidang yang berkaitan sebanding dengannya.
- ATAU
- i) Sedang dan telah berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan yang bersesuaian di Bahagian III tidak kurang dari lima tahun.
- ii) Mempunyai pengalaman bekerja dalam bidang pengurusan lesen-lesen rampaian atau yang berkaitan dengannya.
- b) Mestilah fasih bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Inggeris serta memiliki keperibadian yang baik.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab :

- Membantu tugas-tugas bagi mengendalikan undang-undang Lesen Rampaian yang akan ditentukan oleh Pengarah Lembaga Kemajuan Ekonomi atau pegawai yang menjalankan tugas-tugas tersebut.
- Memproses permohonan-permohonan untuk mendapat Lesen Rampaian bagi pedagang kereta, stesen minyak, termasuk tempat-tempat menyimpan minyak dan benda-benda yang mudah terbakar sebelum dihadapkan kepada pengawal yang menjalankan tugas-tugas berkenaan.
- c) Melawat/Menyiasat ke tempat-tempat pedagang-pedagang kereta serta stesen menjual minyak dan benda-benda yang mudah terbakar di semua daerah dalam Negara Brunei Darussalam dan seterusnya menyediakan laporan perkembangannya.

6. PENOLONG PEGAWAI PENERANGAN

(Bilangan Kod : 009 15-907)
(Di Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Bahagian Penerangan, Jabatan Perdana Menteri)
Tanggagaji : C.2-3 EB.4 — \$1450-\$2620 sebulan.

Di Dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan-perkhidmatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

1. PENYELENGGARA STOR TINGKAT III :

- (Di Kementerian Kewangan). (Bilangan Kod : 102 39 — 14)
- (Di Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan - Perbekalan Negara, Kementerian Kewangan) (Bilangan Kod : 093 39 — 143).
- (Di Jabatan Pertanian, Kementerian Pembangunan). (Bilangan Kod : 004 39 — 143).

Kelayakan :

- Berumur tidak kurang dari 18 tahun.
- i) Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau kelulusan yang sebanding dengannya.
- ATAU
- ii) Storman Tingkat I yang telah ditetapkan dalam jawatan atau Penyelenggara Stor yang bergaji hari yang telah berkhidmat selama 5 tahun dan mempunyai laporan prestasi kakitangan yang memuaskan dan sokongan Ketua Jabatan boleh juga dipertimbangkan.
- Berpengalaman dalam kebolehan dalam Ilmu Simpan Kira, Perakaunan atau Ilmu Hisab akan diberi keutamaan.
- d) Kebolehan bertutur dan menulis dalam Bahasa Inggeris dengan baik adalah merupakan satu kelebihan.

2. PEMANDU TINGKAT KHAS :

(Bilangan Kod : 09 98 — 502).
(Di Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan-Perbekalan Negara, Kementerian Kewangan).
Tanggagaji : E.2-3 EB.4 — \$590-\$875 sebulan.

Kelayakan :

- Berumur di antara 30 hingga 45 tahun serta boleh menulis dan membaca.
- Berpengalaman sebagai Pemandu tidak kurang dari 10 tahun yang mana 5 tahun daripadanya sebagai Pemandu Tingkat I (satu).
- Mempunyai lesen memandu Kelas 3 dan 5 yang sah dan tidak pernah didakwa kerana kesalahan-kesalahan memandu serta boleh memperbaiki kerosakan-kerosakan kecil.
- Berpengalaman memandu semua jenis kenderaan adalah merupakan satu kelebihan.

3. TUKANG KAYU :

(Bilangan Kod : 059 95 — 413).
(Di Jabatan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Kementerian Pertahanan).
Tanggagaji : E.2-3 EB.4 — \$590-\$875 sebulan.

Kelayakan :

- Umur tidak kurang dari 20 tahun.
- i) Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya serta berpengalaman dalam kerja-kerja pertukangan kayu tidak kurang dari 3 tahun.
- ATAU
- ii) Sedang dan telah berkhidmat dengan kerajaan serta berpengalaman dalam kerja-kerja pertukangan kayu tidak kurang dari 5 tahun.
- c) Kecekapan dalam menggunakan perkakas tukang

Kelayakan :

- Higher National Certificate (HNC) dalam Komunikasi Massa atau kelulusan dan bidang yang berkaitan sebanding dengannya.
- ATAU
- b) Diploma dalam Pelancongan, Fotografi, Mass Communication atau kelulusan dan bidang yang berkaitan sebanding dengannya.
- ATAU
- c) Sedang dan telah berkhidmat dengan Kerajaan dalam Bahagian III dalam kerja-kerja penerangan tidak kurang dari lima tahun.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab :

Memberikan penerangan atau ceramah-ceramah kepada orang ramai mengenai dasar-dasar dan maklumat berhubung dengan rancangan-rancangan Kerajaan, mengatur rancangan perjumpaan dan mengendalikan kursus-kursus sivik, majlis-majlis penerangan di seluruh negara. Dalam menjalankan tugasnya hendaklah mempunyai inisiatif sendiri di samping usaha sama dan bekerja secara berpasukan.

Am :

Pemohon-pemohon yang berjaya bagi satu-satu jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

Peringatan :

Pemohon-pemohon adalah dikehendaki mencatatkan nama jawatan serta Bilangan Kod yang berkenaan dengan nama jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan bilangan kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama permohonan itu satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan siji-siji kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan 2001, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 28 Oktober, 1987.

Bilangan Pendaftaran : 96/1987

(E/1869/85)

kayu dan alat-alat yang menggunakan tenaga elektrik serta mengetahui jenis-jenis kayu dan tahu membuat perkiraan mengenai adalah merupakan satu kelebihan.

4. ATENDEN PERPUSTAKAAN :

(Bilangan Kod : 096 19 — 122).
(Di Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Kementerian Pembangunan).
Tanggagaji : E.1-2-3 EB.4 — \$515-\$875 sebulan.

Kelayakan :

- Berumur di antara 18 hingga 30 tahun.
- Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya.
- Boleh menguasai dua bahasa (satu daripadanya Bahasa Melayu) adalah diutamakan.

5. PENJALAN PENCUCI KAIN-KAIN (DOBI) :

(Bilangan Kod : 062 56 — 022).
(Di Jabatan Perkhidmatan Perkhidmatan Perubatan, Kementerian Kesihatan).
Tanggagaji : E.1-2-3 EB.4 — \$515-\$875 sebulan.

Peringatan :

- Terdiri dari lelaki yang lulus sekurang-kurangnya Tingkatan II atau yang sebanding dengannya.
- Seseorang yang sedang berkhidmat dengan berpengalaman dalam menjalankan pelbagai jentera pencuci bolehlah permohonan.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab :

Mengendalikan dalam menjalankan pelbagai jentera pencuci kain-kain termasuk 'hydro-extractor,' jentera pencuci pengering.

Am : Pemohon-pemohon yang berjaya bagi satu-satu jawatan

yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas pada bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

Peringatan :

Pemohon-pemohon adalah dikehendaki supaya mencatatkan nama jawatan serta bilangan kod yang bertentangan dengan nama jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan bilangan kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan siji-siji kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan 2001, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 24 Oktober, 1987.

(Bilangan Pendaftaran : E/2125/85).

93/1987).

JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

Di Jabatan Unit Perancang Ekonomi

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di Jabatan Unit Perancang Ekonomi, Kementerian Kewangan, Negara Brunei Darussalam.

1. PEGAWAI EKONOMI (Bilangan Kod : 013 09-013)

Tanggaji: B. 2 EB. 3 — \$2270-\$4240 sebulan.

Kelayakan:

- Berumur di antara 21 hingga 45 tahun.
- Ijazah dalam bidang Ekonomi atau Sains Kemasyarakatan dengan sekurang-kurangnya satu mata pelajaran ekonomi atau kelulusan yang sebanding dengannya.

- Berpengetahuan dan berpengalaman dalam bidang perancangan ekonomi dan pengetahuan dalam penggunaan micro-computer adalah satu kelebihan.

- Mempunyai sikap kerja yang fleksible terhadap tugasnya dan keupayaan perhubungan yang berkesan dengan sektor swasta dan lain-lain organisasi Kerajaan.
- Berminat dan bersedia menjalankan tugas-tugas luar.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab:

- Menjalankan penyelidikan dengan matlamat untuk memajukan dan mencadangkan strategi perancangan yang optima.

- Membantu dalam hal-hal yang berhubung dengan persediaan, penyelarasan dan pelaksanaan Rancangan Kemajuan Negara 5 tahun.

- Mengikuti perkembangan Rancangan Kemajuan Negara 5 tahun selaras dengan matlamat dan sasaran jangka pendek dan jangka panjang serta menyediakan laporan kemajuan kepada pegawai kanan.

2. PENGANALISA SISTEM (Bilangan Kod : 013 08-310)

Tanggaji: B. 2 EB. 3 — \$2270-\$4240 sebulan.

B. 2 — \$2270-\$3760 sebulan.

Kelayakan:

- Ijazah universiti dalam bidang pengajian komputer atau kelulusan dan bidang

berkaitan yang sebanding dengannya dan sekurang-kurangnya dua tahun pengalaman sebagai seorang penganalisa sistem/penjadual.

- Pengetahuan dan pengalaman dalam bahasa komputer COBOL, IDMS, TME-TP adalah satu kelebihan.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab:

- Bertanggungjawab bagi pemeliharaan sistem-sistem yang digunakan sekarang dan bagi semua peringkat sistem termasuklah mengkaji, dan menyelenggara sebarang sistem-sistem baru yang diperlukan.

- Boleh memberi nasihat tentang masalah-masalah programming.

Am:

Pemohon-pemohon yang berjaya bagi satu-satu jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas pada bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

Peringatan:

Pemohon-pemohon adalah dikehendaki supaya mencatatkan nama jawatan serta Bilangan Kod di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa Catatan Bilangan Kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan 2001, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 9 November, 1987.

Bilangan Pendaftaran: 107/1987. (E/232/82)

PEMBERITAHUAN TAWARAN KEMENTERIAN PERTAHANAN

TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat 4 Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan 1130, Negara Brunei Darussalam, tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 2 November, 1987.

- Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari Unit Tawaran dan Sebutarga Jabatanarah, Kementerian Pertahanan, Bolkliah Garison semasa hari-hari bekerja (Isnin hingga Jumaat).

- Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan hendaklah ditutup rapi. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditunjukkan rujukan dan tajuk tawaran sepertimana yang diiklankan dan tarikh tutup tawaran itu. Contoh-contoh

atau katalog-katalog asal mestilah dihantar ke Unit Tawaran dan Sebutarga, Jabatanarah Kewangan dan Perbekalan, Kementerian Pertahanan, Bolkliah Garison, 2049. Gambar-gambar biasa tidak akan dilayan.

- Cagaran tawaran pembekal adalah, dikehendaki bagi semua tawaran yang diiklankan dan akan dikembalikan kepada setiap pembekal yang menghantar tawaran jujur (bona-fide tender) setelah mengetahui pembekal yang berjaya.

BIL: MINDEF/DFP/STB/16/1987

MEMBEKAL: MINI BUS 15 SEATER RHD

CAGARAN: \$300.00

BIL: MINDEF/DFP/STB/17/1987

MEMBEKAL: TWO MEDIUM CRAWLER TRACTOR

CAGAPAN: \$200.00.

PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN STOR DAN PERBEKALAN NEGARA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PENAWAR-penawar yang berdaftar dengan Jabatan Stor dan Perbekalan Negara adalah diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan 2087 sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 2 November, 1987 bagi membekalkan perkara berikut:

TAWARAN BIL. 67/87

- Roofing Sheet Corrugated Galvanised, Size: 6' x 28G (0.30mm) — 3,000 Sheets
- Roofing Sheet Corrugated Galvanised, Size: 7' x 28G (0.30mm) — 7,000 "
- Roofing Sheet Corrugated Galvanised, Size: 8' x 28G (0.30mm) — 8,000 "
- Roofing Sheet Corrugated Galvanised, Size: 9' x 28G (0.30mm) — 2,000 "
- Radging Galvanised, Size: 6' x 14" x 28G (0.30mm) — 300 "
- Sheet, Galvanised Iron Plain, Size: 8' x 4' x 16G (1.5mm) — 500 "
- Sheet, Galvanised Iron Plain, Size: 8' x 4' x 20G (0.8mm) — 350 "

TAWARAN BIL. 68/1987

- Fire Extinguisher, Water Operated, 2 Gallon Capacity with Internal Polythene Protection c/w Operating Mechanism Flexible Hose and Gas Cartridge to BS: 1382 'ANGUS', 'PYRENE', 'CHUBB' or Equivalent — 1,200 Nos.

TAWARAN BIL. 69/1987

- Soap Toilet 100 gms. 'LUX' (72 Nos. Per Cartoon) — 36,000 Nos.

TAWARAN BIL. 70/1987

- Battery, 12 Volts, 170AH, 33 Plates "KOBE" No. NS 200 or Equivalent — 100 Nos.
- Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran boleh diperolehi dari Jabatan Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong, Bandar Seri Begawan 2010 semasa waktu-waktu bekerja.

PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN TELEKOM

BILANGAN RANCANGAN W/1016

- TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas A, B atau C yang berdaftar dengan Jabatan Telekom.

- Tawaran adalah bagi Installing new U/G Telephone cable, Poles and DP's Conduits, Cabinets and Manholes for Sinaut Exchange Area.
- Tawaran-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Perhubungan Tingkat 1, Bangunan Sekretariat, Bandar Seri Begawan 1150, Negara Brunei Darussalam, tidak lewat pada pukul 3.00 petang 11 November, 1987.
- Tawaran-tawaran hendaklah dihantar di dalam sampul surat biasa dan hendaklah bertutup dan hanya bertanda TAWARAN NEW CABLE SCHEME SINAUT EXCHANGE AREA, TUTONG.
- Dokumen-dokumen tawaran serta penerangan lanjut mengenai bolehlah diperolehi dari Pejabat Pengarah

Telekom, Jalan Istana Darussalam, Bandar Seri Begawan 2051, Negara Brunei Darussalam dengan cagaran tawaran sebanyak \$200.00 yang mana cagaran ini akan dikembalikan kepada tawaran yang tidak berjaya.

- Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang termurah atau sebarang tawaran.

- Perbincangan bersama dengan wakil Pengarah di tempat pemasangan/pembinaan adalah satu syarat yang diwajibkan bagi tawaran dan bakal pemborong-pemborong pada jam 9.30 pagi hari Isnin 26 Oktober, 1987 di Telephone Exchange Building, Tutong.
- Tawaran-tawaran tidak akan diterima dari pemborong-pemborong yang tidak hadir bagi perbincangan bersama di tempat pemasangan/pembinaan yang telah ditetapkan.

PEMBERITAHUAN TAWARAN KEMENTERIAN PERTAHANAN

Syarat-syarat Tawaran

TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Pertahanan, Bangunan 150, Bolkliah Garison 2049, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Selasa 3 November, 1987.

- Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari Unit Tawaran dan Sebutarga Jabatanarah, Kewangan dan Perbekalan Kementerian Pertahanan, Bolkliah Garison, semasa hari-hari bekerja (Isnin hingga Jumaat).

c. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan hendaklah ditutup rapi. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditunjukkan rujukan dan tajuk tawaran seperti mana yang diiklankan dan tarikh tutup tawaran itu. Contoh-contoh atau katalog-katalog asal mestilah dihantar ke Unit Tawaran dan Sebutarga, Jabatanarah Kewangan dan Perbekalan, Kementerian Pertahanan, Bolkliah Garison, 2049. Gambar-gambar biasa tidak akan dilayan.

- Cagaran tawaran pembekal adalah dikehendaki bagi tiap-tiap satu tawaran sebanyak \$100.00 dan dikembalikan kepada setiap pembekal yang menghantar tawaran jujur (bona-fide tender) setelah mengetahui pembekal yang berjaya.

BIL: MINDEF/DFP/MTB/130/1987

MEMBEKAL: EXTINGUISHERS

BIL: MINDEF/DFP/MTB/131/1987

MEMBEKAL: BANDSAW

BIL: MINDEF/DFP/MTB/132/1987

MEMBEKAL: TUBE FLOURECENE SINGLE PIN 40 WATTS x 4'

BIL: MINDEF/DFP/MTB/133/1987

MEMBEKAL: FAN CEILING MOTOR

BIL: MINDEF/DFP/MTB/134/1987

MEMBEKAL: REDRING RADIANT PLATE

BIL: MINDEF/DFP/MTB/135/1987

MEMBEKAL: SADDLE GENERAL PURPOSE

BIL: MINDEF/DFP/MTB/136/1987

MEMBEKAL: PIPE & VALVE FITTING FOR WASPADA CLASS

BIL: MINDEF/DFP/MTB/137/1987

MEMBEKAL: TROUSERS TRACKSUIT

BIL: MINDEF/DFP/MTB/138/1987

MEMBEKAL: CUSHION SEAT & BACK

BIL: MINDEF/DFP/MTB/139/1987

MEMBEKAL: COOKER ELECTRIC 220 — 250v 4 RING

BIL: MINDEF/DFP/MTB/140/1987

MEMBEKAL: EPIGLASS

BIL: MINDEF/DFP/MTB/141/1987

MEMBEKAL: W.B.P. TEAK FACED PLYWOOD BS 1088

DI DALAM MAHKAMAH PEGAWAI PENGUSAHA WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN

No. 203/1987
BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Aminah binti Napiah kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang dipunyai oleh Ahmad bin Ahmad yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah balu kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengar di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan, pada 20 Oktober, 1987, jam 10.00 pagi.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pesaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Pengusaha Waris, Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Bertarikh 24 September, 1987.

No. 225/1987
BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Munusamy Ravi Kumaran kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang dipunyai oleh Jayalakshi Ammal yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah anak lelaki kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengar di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan, pada 27 Oktober, 1987, jam 10.00 pagi.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pesaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Pengusaha Waris, Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Bertarikh 24 September, 1987.

No. 226/1987

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Ng Nyek Vong kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang dipunyai oleh Chou San Mei yang telah meninggal dunia di Miri, Sarawak dengan sebab iaitu si pemohon ialah anak perempuan kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengar di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan, pada 27 Oktober, 1987, jam 10.00 pagi.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pesaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Pengusaha Waris, Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Bertarikh 24 September, 1987.

PEMBERITAHUAN TAWARAN KEMENTERIAN PERTAHANAN

BIL.: MINDEF/DFP/STB/15/1987

MEMBEKAL: REFURBISHMENT OF FLAT BLOCK 32 BERAKAS GARRISON

Cagaran: \$500.00 + \$100.00 (lukisan).

Tawaran-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'AX' ke atas sahaja.

Syarat-syarat Tawaran

- TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan 1130, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 26 Oktober, 1987.

- Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari Unit Tawaran dan Sebutarga Jabatan Arah, Kementerian Pertahanan, Bolkliah Garison

semasa hari-hari bekerja (Isnin hingga Jumaat).

- Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan hendaklah ditutup rapi. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditunjukkan rujukan dan tajuk tawaran sepertimana yang diiklankan dan tarikh tutup tawaran itu. Contoh-contoh atau katalog-katalog asal mestilah dihantar ke Unit Tawaran dan Sebutarga, Jabatan Arah Kewangan dan Perbekalan, Kementerian Pertahanan, Bolkliah Garison 2049. Gambar-gambar biasa tidak akan dilayan.

- Cagaran tawaran pembekal adalah dikehendaki bagi tawaran seperti yang diiklankan dan akan dikembalikan kepada pembekal yang menghantar tawaran jujur (bona-fide tender) setelah mengetahui pembekal yang berjaya.

Kejohanan badminton berpasukan antara kementerian

KEJOHANAN badminton berpasukan antara kementerian-kementerian termasuk Jabatan Perdana Menteri bagi merebut Piala Pusingan Dato Seri Laila Jasa Haji Ahmad, Timbalan Menteri Pelajaran bagi tahun ini akan diadakan.

Perlawanan ini terbuka kepada semua pegawai dan kakitangan kementerian termasuk Jabatan Perdana Menteri yang memegang kad pengenalan kuning.

Mereka yang ingin hendak memasuki kejohanan tersebut dikenakan bayaran \$100.00 bagi setiap pasukan.

Borang-borang serta keterangan lanjut mengenai perlawanan tersebut boleh didapati daripada Awang Mohamad bin Ismail, Bahagian Kegiatan Luar, Jalan Haji Basir, Pusu Ulak, Awang Haji Antin bin Ahad, Bahagian Perumahan, Jalan Berakas, dan Awang Jamal bin Haji Kahar, Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah, Gadong, Brunei Darussalam.

Borang yang telah diisikan beserta dengan wang penyertaan masuk hendaklah dikembalikan tidak lewat daripada 14 Oktober depan jam 4.00 petang kepada Setiausaha jawatankuasa perlawanan badminton Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah.

PELITA BRUNEI difahamkan bahawa semua perlawanan akan berlangsung di Dewan Gerak Badan Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah Gadong. Walau bagaimanapun tarikh kejohanan ini bermula, akan diumumkan kemudian.



Kelolaan Jaafar Haji Ibrahim dan Ahat Ismail

BELIA & SUKAN

KETUA Pasukan ABDB, Pg. Tajuddin menerima piala pusingan kejohanan bola sepak antara jabatan-jabatan beruniform pada Sabtu lepas. — Gambar oleh Harun Rashid.

Badminton bagi penuntut 18 tahun kebawah

BAHAGIAN Kegiatan Luar Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pelajaran akan menganjurkan Kejohanan Badminton bagi sekolah-sekolah menengah dan maktab-maktab seluruh negara yang berumur 18 tahun ke bawah.

Menurut jurucakap, Kementerian Pelajaran, kejohanan kali pertama itu akan dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu berpasukan lelaki dan berpasukan wanita.

Pembukaan kejohanan itu akan diadakan pada 10 Oktober depan bertempat di Dewan Sekolah Menengah SMJA bermula jam 2.00 petang.

Jurucakap itu menambah bahawa sejumlah 10 buah pasukan lelaki dan lapan buah pasukan wanita akan menyertai kejohanan tersebut.

Kejohanan pertama itu dikelolakan oleh Sekolah Menengah SMJA.

ASTERAWANI anjur Malam Puisi A-bangsa

PERSATUAN ASTERAWANI akan mengadakan Malam Puisi Antarabangsa pada 21 November depan sempena menyambut Jubli Perak persatuan itu dan Jubli Perak Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.

Malam Puisi Antarabangsa itu akan disertai oleh peserta-peserta dari beberapa buah negara yang telah diundang dan juga penyair-penyair di negara ini.

Penyair-penyair tempatan yang ingin menyertainya bolehlah berhubung dengan Awang Abdul Hamid bin Abas di Dewan Bahasa dan Pustaka di ibu negara.

Tewas kepada Pasukan ABDB 2-1

PDB GAGAL PERTAHANKAN KEJUARAAN

PENYANDANG juara kejohanan bola sepak antara jabatan-jabatan beruniform tahun lalu Pasukan Polis Diraja gagal mempertahankan kejuaraan mereka setelah ditewaskan oleh Pasukan ABDB dengan jaringan tipis 2-1 di perlawanan akhir yang berlangsung di Stadium Hassanal Bolkiah Gadong, Sabtu lepas.

Meskipun bermain di tempat sendiri, Pasukan Polis Diraja gagal menyahing corak permainan ABDB yang begitu agresif melancarkan serangan-serangan bahaya ke kubu Polis.

Sungguhpun menghadapi tekanan, Pasukan Polis sekali-sekala berjaya mengatur beberapa serangan balas melalui dua pemain berpengalaman iaitu Pg. Zamani Pg. Ahmad dan Faisal Haji Yusof.

ABDB membuka tirai jaringan pertama mereka di minit ke-33 separuh masa pertama oleh pemain veteran Pg. Rosli melalui sepakan bebas dan gagal diselamatkan oleh penjaga gol Polis Philip Pasan.

Kemudian dua minit selepas jaringan sulung itu, ABDB terus mengukuhkan



PERGELUTAN di depan pintu gol pasukan Polis Diraja Brunei. — Gambar oleh Harun Rashid.

kedudukan apabila Abdul Rahman menjarangkan gol kedua setelah menerima hantaran lintangan daripada pemain sayap kanan Yusra.

Sekalipun sudah ketinggalan 2-0, Pasukan Polis bagaimanapun berjaya merapatkan kedudukan menjadi 2-1 hasil sepakan penalti Pg. Zamani di minit ke-43 setelah salah seorang pemain pertahanan ABDB melakukan kesalahan.

Dalam separuh masa kedua, kedua-dua pasukan gagal menjarangkan sebarang gol sehinggalah ke wisel penamat dibunyikan dan kedudukan kekal ABDB mengatasi Polis 2-1.

Sejumlah lapan pasukan menyertai kejohanan itu iaitu ABDB, Polis, Jabatan Laut, dan Penjara dalam kumpulan "A" manakala Kastam, Imigresen, Bomba dan Pasukan Simpanan Gurkha dalam kumpulan "B".



TEGANG keadaan cemas di pintu gol ABDB apabila penyerang Polis Pg. Zamani (jersi 12) bersedia membuat rembatan ke gawang ABDB. — Gambar oleh Harun Rashid.

Orang-orang Islam adalah diingatkan Jauhi Pergerakan Masoniah

oleh: Hj Mohamad Salim

BANDAR SERI BEGAWAN. — Orang-orang Islam diingatkan supaya menjauhi dan jangan mengambil bahagian dengan apa-apa jua kegiatan yang dianjurkan atau dilakukan oleh Pergerakan Masoniah atau lain-lain kelabnya bagi mengelakkan dari menjadi murtad.

Pergerakan Masoniah atau kelab-kelabnya seperti Rotary, Lions dan lain-lain merupakan pergerakan atau kelab-kelab kufur yang tiada percayakan Allah, anti akhlak dan budi pekerti yang terpuji.

Free Masons tambah warta tersebut asal puncanya ditubuhkan oleh orang-orang Yahudi dan dari usaha Yahudi Zinonis yang bertujuan sulit iaitu menentang apa jua agama. Masoniah itu suatu pertubuhan yang sangat-sangat merbahaya bekerja merobohkan agama Islam dan orang-orang Islam dan umat Islam.

Adalah dipandang sangat berat dan merbahaya bahawa Kelab-Kelab Rotary telah berkembang dalam kebanyakan negeri Islam dan mendapat perhatian serta sokongan dari kalangan pemimpin serta orang-orang dan pegawai-pegawai yang bertanggungjawab dan mereka itu bersedia pula melakukan majlis-majlis rasmi dan persidangan-persidangan pertubuhan tersebut dengan terang dan tiada silu-silu.

"Dari itu Rotary itu suatu pertubuhan yang sangat-sangat merbahaya yang bekerja meruntuhkan agama Islam dan umat Islam dengan memerangi akhlak mulia dan menyebarkan dengan seluas-luasnya akan rendah perangai, lucah, lacur dan sifat kebinatangan," jelas warta tersebut.

Menurut warta itu lagi cawangan Free Masons terdiri dari, Kelab Rotary, Kelab

Lions, Syuhuh Yahuh atau Saksi Yahova atau Yahova's Witness, Pergerakan Moral Senjata, Pergerakan Kebebasan Saudara, Bnay Birth dan Al-Maharisyi.


Oleh yang demikian barangsiapa daripada umat Islam yang menganggotai atau masuk bergabung dengan pertubuhan-pertubuhan sedemikian, orang tersebut menjadi murtad, terkeluar dari agama Islam dan ia bukan lagi orang Islam.

Demikian antara lain yang dijelaskan dalam Warta Kerajaan Bahagian IV, Bilangan No. 20 bertarikh 26 September, 1987 yang menyiarkan fatwa yang diluluskan oleh Majlis Ugama Islam Negara Brunei Darussalam.

Warta tersebut juga menjelaskan, adalah boleh menimbulkan bahaya kepada agama Islam dan umat Islam sebagaimana bahayanya Qadiniah, Bahayiyah, Batiniyah, Taslim, Dhariah dan Ismailiyah akibat perbuatan tersebut.

"Rotary itu suatu pertubuhan Free Masons berpura-pura kasihkan manusia, padahal ia berusaha memerangi segala agama, dan memerangi segala nilai-nilai akhlak yang terpuji dan mulia dan menggantikan dengan sifat ilhad (tiada percayakan sebarang agama), lacur, kotor, buruk dan tiada percayakan Allah Taala," jelas warta tersebut.

Menurut warta itu lagi, Free Masons memilih pengikut-pengikutnya dari kalangan mereka yang ternama dalam lapangan kewangan, siasah, sosial, orang-orang besar, raja-raja dan ketua-ketua negara di kalangan negeri-negeri Arab, Amerika, Britain, Perancis, Jerman dan lain-lain.



Majlis makan malam

MENTERI Undang-Undang, Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin telah menjadi tetamu kehormat di majlis makan malam anjuran Kedutaan Republik Korea di sini sempena Hari Yayasan Kebangsaan republik tersebut yang telah dilangsungkan di Stadium Negara Hassanah Bolkiah pada 3 Oktober lepas.

Ketibaan Yang Amat Mulia di majlis itu disambut oleh Tuan Yang Terutama Tuan Kang Sung Ku, Duta Besar Republik Korea ke negara ini serta pegawai-pegawai Kedutaan Korea. — Gambar oleh Pg. Abu Bakar PHO.

Badan perniagaan diseru latih anak tempatan

Oleh Abd. Karim HAB

BANGAR. — Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Mulia Dato Paduka Haji Abidin bin Orang Kaya Periwara Abd. Rashid menyeru badan-badan perniagaan khususnya pertubuhan-pertubuhan bank meningkatkan usaha melatih rakyat dan penduduk tempatan bagi membolehkan mereka sama-sama mengambil bahagian yang aktif dalam institusi-institusi berkenaan.

Katanya, usaha itu hendaklah dilakukan dengan penuh jujur dan setiakawan demi memenuhi aspirasi negara ini yang sedang menempuh arus kemajuan.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri itu juga menekankan bahawa di dalam mengembangkan perkhidmatan dan perniagaan mereka, perhatian berat dan khusus hendaklah diberikan bukan semata-mata bagi kepentingan mereka malah juga untuk kepentingan Negara Brunei Darussalam.

"Saya sukacita menyinngap kembali hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam agar pihak pengusaha di negara ini tidak hanya menumpukan usaha untuk mengejar keuntungan semata-mata tetapi yang lebih utama bagi mereka ialah menolong pengusaha-pengusaha tempatan yang terdiri dari orang-orang Brunei dalam bidang-bidang yang



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Mulia Dato Paduka Haji Abidin bin Orang Kaya Periwara Abd. Rashid memotong pita menandakan perasmian cawangan ke-11 The Standard Chartered Bank. — Gambar oleh Pg. Bahar PHO.

mereka masih kekurangan dan memerlukan bantuan dengan jujur menurut lunas-lunas undang-undang dan peraturan negara ini," ujarnya.

Dato Paduka Haji Abidin ketika merasmikan cawangan The Standard Chartered Bank di sini Jumaat lalu juga berharap agar pengusaha-pengusaha tempatan terdiri dari orang-orang Brunei dianggap sebagai teman di dalam sama-sama berusaha untuk meningkatkan kemakmuran mereka dan jangan dianggap sebagai saingan atau pencabar.

**TERIMA
SUMBANGAN
SEBANYAK
\$1,000**

BANGAR. — Tabung Anak-Anak Cacat Daerah Temburong menerima sumbangan \$1,000 dari The Standard Chartered Bank yang menubuhkan cawangan ke sebelas di sini Jumaat lalu.

Sumbangan itu diserahkan oleh Awang Micheal Palin, pengurus bank berkenaan kepada Pegawai Daerah Temburong, Awang Abd. Hamid bin Ismail di Majlis Pembukaan Rasmi cawangan bank itu.

Perasmian disempurnakan oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Mulia Dato Paduka Haji Abidin bin Orang Kaya Periwara Abd. Rashid.



PEGAWAI Daerah Temburong, Awang Abd. Hamid bin Ismail menerima sumbangan sebanyak \$1,000 bagi pihak Tabung Kanak-kanak Cacat Temburong dari Pengurus The Standard Chartered Bank. — Gambar oleh Pg. Bahar PHO.

**Gunakan tali pinggang
keselamatan semasa memandu**